AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

فليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 43 | RABU 22 OKTOBER, 1986. | رابو 17 صفر 1407 | PERCUMA

## Tindakan tegas diambil ke atas pengedar dadah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Kerajaan Baginda akan mengambil tindakan undang-undang ; keras dan tegas ke atas pengedar-pengedar dadah di negara ini.

Memandangkan gejala dadah adalah perosak akhlak dan tatasusila dan punca kemerosotan dan kemunduran sesuatu bangsa yang juga merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh banyak negara di dunia, Negara Brunei Darussalam juga, titah Baginda, jika tidak berjaga-jaga dan waspada dari sekarang tidak akan terkecuali daripada menghadapi bencana dadah.

### Memerangi

"Kerajaan Beta di dalam usaha untuk membenteras dan memerangi penyalahgunaan dadah, tidak akan teragak-agak untuk mengam-

Lihat muka 3

Laporan oleh Mohd Salleh Abd. Latif, Timbang Bakar dan Jaafar Hj. Ibrahim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar.

**INGATAN KEBAWAH D.Y.M.M. KEPADA SELURUH PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN**

- Tingkatkan daya usaha dan sumbangan bakti
- Berkhidmat penuh azam dan tekad
- Wujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah
- Pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah
- Elakkan penyelewengan tugas dan kuasa
- Tingkatkan kerjasama dan saling hubung menghubungi
- Adakan permuzakarahan

## Kebajikan rakyat diberi perhatian teliti - titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa adalah menjadi teras dan azam Kerajaan Baginda untuk mengambil perhatian yang teliti terhadap kebajikan, kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat pada setiap masa.

Baginda bertitah, Kerajaan Baginda akan terus berusaha membuat pengajian dan penelitian yang terperinci terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan, yang sedang dilaksanakan mahupun yang akan dirancangkan.

"Segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah diselaraskan dan disiapkan mengikut tahap pencapaian dan keperluan yang tertentu dan juga mengikut keadaan dan suasana sekitar," titah Baginda.

Penelitian terhadap rancangan kemajuan dan pembangunan negara sahaja titah Baginda tidak akan dapat menghasilkan sepenuhnya

Lihat muka 3

### Pentadbiran cekap, jujur dan penuh amanah

# Penyusunan semula Menteri-Menteri Kabinet

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengisytiharkan penyusunan semula Menteri-Menteri Kabinet.**

Titah Baginda selama 34 minit 26 saat pada malam Isnin, 20 Oktober lepas, telah disiarkan secara langsung menerusi Radio dan Televisyen Brunei dari Istana Nurul Iman.

Sejumlah 12 buah kementerian telah dibentuk, iaitu pertambahan dua kementerian. Sebelum pengisytiharan ini, negara kita sejak mengambilalih semula tanggungjawab antarabangsa selaku negara yang merdeka lagi penuh berdaulat, hanya mempunyai sepuluh kementerian.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang dulu satu telah dipecahkan menjadi dua kementerian, iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.

Satu kementerian baru telah diwujudkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama.

### Perdana Menteri

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri adalah selaku Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan. Manakala, adinda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dikekalkan selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah adalah selaku Menteri Kewangan. Sebelum ini, Duli Yang Teramat Mulia adalah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

### Penasihat Khas

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dilantik selaku Penasihat Khas kepada Baginda di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Jawatan Penasihat Khas adalah bertaraf Menteri.

Menteri Perhubungan disandang oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz. Sebelum ini, Yang Berhormat Pehin adalah Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Lihat muka 2

### PETIKAN TITAH

**"Ketenteraman dan keselamatan negara itu tidak akan wujud tanpa adanya keadaan aman tenteram yang bermula dari setiap kampung di ulu-ulu sungai, mukim-mukim, kampung-kampung pedalaman dan daerah-daerah seterusnya kepada negara keseluruhannya dan isi di dalamnya."**

*Dititahkan semasa Majlis Kesyukuran yang disembahkan oleh Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara pada 9 September, 1983, sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-37 tahun.*

## Tingkatkan kerjasama - titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dengan mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda supaya mempertingkatkan daya usaha dan sumbangan bakti mereka dan terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah semata-mata kerana Allah.

Pentadbiran yang dimaksudkan, titah Baginda ialah suatu pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah dan penyelewengan tugas dan kuasa agar semua rakyat dan

Lihat muka 24

### Berita terakhir

### MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang bertaqwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman syurga, dengan mata-mata air (yang mengalir). (Mereka dipersilakan oleh malaikat dengan berkata: "Masuklah kamu ke dalamnya dengan selamat sejahtera dan aman." — Tafsir ayat 45 dan 46 Surah Al-Hijr.

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

22 OKTOBER, 1986

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## JALINAN PERSEFAHAMAN BELIA

JALINAN persefahaman di kalangan belia ASEAN dengan Jepun sudah lama wujud. Berbagai cara diperkenalkan bagi memupuk perasaan muhibah ini. Antaranya, mempelawa belia ASEAN dalam rangka persahabatan abad 21 dengan berkunjung ke negara Jepun. Lain lagi halnya dengan pertukaran kunjungan dua hala.

Kapal Belia Asia Tenggara minggu lalu telah singgah ke negara kita, sebagai persinggahan kedua selepas Manila. Seramai 250 orang belia dari negara ASEAN dan Jepun, termasuk 35 orang belia kita, ikut serta dalam rancangan ini. Khamis lepas kapal belia ini sudahpun meninggalkan Muara setelah berada di sini selama empat hari.

Kerajaan Jepun menaja rancangan ini. Kapal Nippon Maru dipergunakan sejak rancangan ini dilancarkan tiga belas tahun yang lalu. Projek tahunan ini bertujuan meningkatkan persefahaman yang sudah sedia terjalin serta mengekalkan perasaan muhibah antara belia ASEAN dengan Jepun.

Rancangan ini dimaksudkan juga bagi mengembangluaskan lagi bidang kerjasama sosial antara ASEAN dengan Jepun, dengan memberi penekanan kepada kalangan belia. Belia hari ini, pemimpin hari esok.

Memanglah rancangan ini memberi manfaat yang banyak kepada mereka yang terlibat. Belia-belia itu sendiri dapat bertukar-tukar fikiran, mengenali budaya masing-masing serta berusaha mewujudkan perasaan saling hormat menghormati.

Di samping itu, belia ASEAN dan Jepun dapat juga mempelajari norma-norma suatu bangsa baik dari segi tutur bahasa, pendekatan mengatasi masalah mahupun memperdalami sikap perpaduan serantau.

Sewaktu mereka berada di negara kita, sambutan yang kita berikan sungguh sederhana tapi begitu berkesan. Suasana perkabungan ketika itu juga dirasakan bersama oleh mereka. Mereka cukup mengerti keadaan kita.

Mereka kagum dengan layanan yang begitu mesra diberikan oleh keluarga-keluarga angkat di sini. Lebih 100 keluarga dari pelbagai bidang kehidupan telah menjadi keluarga angkat kepada belia ASEAN dan Jepun itu. Di waktu inilah mereka tambah menghayati suasana kekeluargaan yang kita miliki. Budaya yang kita sanjung tinggi dengan nilainya yang begitu murni, mereka kagum. Kita adalah bangsa yang penuh beradat, beradap dan sentiasa taat kepada raja.

Mereka juga kagum melihat suasana negara kita yang begitu tenteram, rukun dan sikap perpaduan kita yang sedia wujud. Sosio-politik dan ekonomi negara kita begitu mantap. Berlainan sekali dengan kehidupan negara anggota ASEAN yang lain.

Pengalaman ini tentunya memudahkan mereka untuk membanding. Membanding antara yang indah, kemas dengan yang musnah dan lain-lain. Tentulah, belia ASEAN dan Jepun itu berfikir betapa perpaduan, ketenteraman yang kita nikmati ini telah membolehkan kita hidup sebagai bangsa yang bahagia.

Khusus mengenai dengan belia kita yang ikut serta dalam rancangan ini, kita telah membekalkan mereka. Hampir dua minggu mereka diorientasi dengan mendengar ceramah-ceramah mengenai ekonomi, politik dan dasar luar negara kita. Lagi pun, ini kali ketiga kita menyertai rancangan kapal belia. Tentulah, kemampuan belia negara kita dapat ditonjolkan. Belia negara kita awal-awal sudah menyedari, mereka adalah aset berharga yang tetap menyanjung tinggi maruah bangsa dan negara.

# MENTERI-MENTERI KABINET YANG BARU

Dari muka 1

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin adalah selaku Menteri Undang-Undang. Sebelum ini, Yang Amat Mulia adalah Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Menteri Pelajaran pula dijawat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman yang dulunya adalah Menteri Pembangunan.

### Menteri Hal Ehwal Ugama

Bekas Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain adalah selaku Menteri Hal Ehwal Ugama, kementerian baru yang diwujudkan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, dulunya Setiausaha Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan dinaikkan selaku Menteri Pembangunan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan disandang oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain yang dulunya adalah Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan.

Bekas Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Haji Nordin telah dilantik selaku Menteri Kesihatan.

### Timbalan Menteri

Sebanyak lapan kementerian mempunyai Timbalan Menteri. Sebelum ini, hanya sebuah kementerian saja yang mempunyai Timbalan Menteri iaitu Kementerian Kewangan.

Timbalan Menteri Pertahanan dijawat oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Awang Sulaiman adalah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, dulunya adalah Setiausaha Tetap (Politik), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Timbalan Menteri Kewangan dijawat oleh Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad Wally Skinner, dulunya Setiausaha Tetap kementerian yang sama.

Bekas Pengawal Imigresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan, Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid dilantik selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran pula dijawat oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, dulunya Setiausaha Tetap Pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, dulunya Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama diangkat selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Manakala itu bekas Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap dilantik selaku Timbalan Menteri Pembangunan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pula dijawat oleh Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud yang dulunya Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

### Kuatkuasa 21 Oktober

Penyusunan semula menteri-menteri kabinet yang baru ini berkuatkuasa mulai 21 Oktober lepas. Dalam titah itu, Baginda mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan agar akan mempertingkatkan daya usaha dan sumbangan bakti untuk terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah semata-mata kerana Allah.

"Satu pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah dan penyelewengan tugas dan kuasa, agar semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan dapat bersama-sama menikmati kemudahan-kemudahan dan hasil-hasil dari projek-projek kemajuan di dalam suasana sebuah masyarakat yang adil dan saksama semata-mata kerana Allah juga," titah Baginda.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah Ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien — Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah Ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien — Menteri Kewangan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz — Menteri Perhubungan.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas — Menteri Undang-Undang.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib — Menteri Pelajaran.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin — Menteri Hal Ehwal Ugama.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit — Menteri Pembangunan.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin — Menteri Kesihatan.

# LAPAN TIMBALAN MENTERI DILANTIK



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong — Timbalan Menteri Pertahanan.



YANG Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Awang Sulaiman — Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



YANG Mulia Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner — Timbalan Menteri Kewangan.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid — Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



YANG Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat — Timbalan Menteri Pelajaran.



YANG Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya — Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap — Timbalan Menteri Pembangunan.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# Kerjasama semua pihak membenteras dadah

Dari muka 1

bil tindakan undang-undang yang keras dan tegas ke atas pengedar-pengedar dadah di negara ini," titah Baginda.

Baginda menegaskan perkara ini dalam titah Baginda yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen pada jam 8.00 malam 21 Oktober dari Istana Nurul Iman sejurus selepas Baginda mengumumkan rombakan kabinet baru negara.

Masalah dadah merupakan salah satu masalah yang dipandang berat oleh Baginda, di mana Baginda sudah beberapa kali menyebut dalam titah-titah Baginda sebelum ini berhubung dengan masalah tersebut. Antaranya termasuklah titah Baginda di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sempena kemasukan Negara Brunei Darussalam menjadi ahli yang ke-159 badan dunia itu pada tahun 1984.

### Mengingatkan

Berikutan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga mengingatkan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta ibu bapa supaya sentiasa mengawasi anak-anak buah dan anak-anak mereka daripada terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

"Begitu juga guru-guru hendaklah sentiasa memerhatikan tingkah laku murid-murid mereka jika ada tanda-tanda masalah-masalah dadah," titah Baginda mengingatkan.

Baginda juga menyeru semua pihak supaya memberikan kerjasama kepada kerajaan Baginda dalam membenteras penyalahgunaan dadah dengan melaporkan kepada pihak yang berkuasa jika ada sebarang perbuatan yang disyaki ada kaitannya dengan dadah.

## Pentadbiran dikemaskinikan

Dari muka 1

pembangunan dan kemajuan negara yang dihajati tanpa disusun semula dan dibalusi jentera pentadbiran negara dari semasa ke semasa.

Baginda bertitah, penyusunan semula itu tidak akan melibatkan sebarang perubahan ke atas dasar-dasar negara yang ada sekarang malah penyusunan semula itu adalah bertujuan untuk mengemaskinikan dan menambah keberkesanan perlaksanaan dasar tersebut.

"Hanya dengan adanya satu sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi dinamik, Negara Brunei Darussalam akan terus menuju ke arah kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan," titah Baginda.

## Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien

# NASIONALIS DAN SASTERAWAN NEGARA

Oleh Mohd Salleh Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah merupakan satu kehilangan yang teramat besar yang tidak dapat dicari ganti dan membawakan satu kesedihan yang tidak terhingga.

"Almarhum bukan saja seorang ayah yang sentiasa mencurahkan kasih sayang yang penuh mesra kepada anak-anak, Almarhum juga adalah seorang pembimbing yang sentiasa memberikan bimbingan tunjuk ajar dan kata nasihat yang tidak putus-putus kepada Beta sehingga akhir hayat Baginda," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang disiarkan secara langsung menerusi Radio dan Televisyen Brunei dari Istana Nurul Iman pada malam Isnin, 20 Oktober lepas.

### Banyak Bakti

Baginda bertitah, sejak awal-awal lagi Almarhum menaiki Takhta Kerajaan, Almarhum telah banyak menabur bakti dan menumpukan sepenuh masa dan tenaga pada mengasaskan infrastruktur pentadbiran, pembangunan, kebajikan, keselamatan dan kemakmuran negara. Almarhum telah berjaya mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada dunia luar hingga diakui sebagai Arkitek Brunei Moden.

Almarhum telah mengembangkan syiar Islam di negara kita ini seluas-luasnya titah Baginda dan membolehkan ugama Islam dihayati di dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

Menyentuh mengenai dengan Perlembagaan Bertulis 1959 yang diperjuangkan oleh Almarhum, ia adalah merupakan satu-satunya anugerah bakti Almarhum kepada rakyat dan negara kita yang tidak ternilai harganya.

### Tirai Era Baru

"Perlembagaan itu adalah merupakan sebagai pembuka tirai era baru bagi Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya," titah Baginda. Dari sebuah kerajaan yang berpemerintahan sendiri dalam negeri, negara kita telah maju sehingga menjadi sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat pada 1 Januari 1984.

Almarhum telah bertahan dengan wajanya menolak tekanan-tekanan supaya Almarhum membawa Negara Brunei Darussalam ke suatu haluan, titah Baginda, akan tetapi dan dengan pandangan jauh serta kebijaksanaan, Almarhum telah bertawakal memilih jalan sendiri untuk mengekalkan kedaulatan dan keagungan negara dan bangsa Brunei sebagai negara dan bangsa yang berdiri di atas lunas-lunas sendiri semata-mata untuk kepentingan rakyat dan Negara Brunei Darussalam.

### Budaya Melayu

Baginda bertitah, Almarhum dengan gigih dan tanpa sebarang kewahaman telah mempertahankan identiti dan ciri-ciri budaya Melayu Brunei. Almarhum telah menempatkan Bahasa Melayu di tingkat yang tinggi di dalam pentadbiran negara dan memaktubkannya di dalam Perlembagaan sebagai Bahasa Rasmi Negara, dan menguatkuasakan bagi semua undang-undang juga ditulis dalam Bahasa Melayu.

"Untuk mengekalkan sebagai sebuah negara yang terkenal dengan adat istiadat yang gilang-gemilang yang diwarisi sejak zaman berzaman, Almarhum adalah bertanggungjawab di dalam membisaikan dan mempermodenkan adat istiadat Negara Brunei Darussalam," titah Baginda lagi.

### Sasterawan Negara

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, Almarhum adalah seorang sasterawan negara yang terkemuka dan terkenal dengan ketajaman mata pena yang penuh dengan kata-kata nasihat dan contoh teladan.

Mengenai dengan pendidikan pula, di waktu pemerintahan Almarhum maka terdirilah Sekolah Inggeris Kerajaan pada tahun 1951. Penubuhan ini hasil kesedaran Almarhum pada hakikat betapa pentingnya bahasa Inggeris diajarkan kepada anak-anak tempatan dalam usaha untuk menimba ilmu pengetahuan dan pembangunan masa depan Negara Brunei Darussalam.

Almarhum juga telah menggalakkan penghantaran anak-anak tempatan belajar dan berlatih keluar negeri. Hasilnya, ramai anak-anak tempatan yang berkelulusan tinggi telah mengisi jawatan-jawatan penting dalam jentera pentadbiran negara kita.

### Syiar Islam

Titah Baginda, Almarhum telah mengadakan pengajian ugama di sekolah-sekolah dan mendirikan masjid-masjid, surau-surau dan tempat-tempat beribadat di seluruh pelusuk negara kita, dan menghantar keluar negeri penuntut-penuntut ugama yang berkebolehan untuk melanjutkan pelajaran di pusat pengajian Islam yang tertinggi lagi termasyhur.

"Almarhum juga bertanggungjawab di dalam menyediakan infrastruktur pembangunan dan kemajuan negara," titah Baginda.

Almarhum telah menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan maju serta penduduk di dalamnya sentiasa di dalam kesejahteraan.

Almarhum yang kasihkan dan sentiasa mengambil berat tentang hal-ehwal rakyat, titah Baginda, telah melancarkan berbagai-bagai kemudahan yang berkebajikan seperti memberikan elaun bulanan kepada orang-orang tua, elaun-elaun kepada pesakit T.B., kepada orang-orang cacat, pesakit jiwa serta memberikan bantuan kebajikan kepada balu-balu dan anak-anak yatim di negara kita ini.

### Kedaulatan Bangsa

Almarhum juga menyedari betapa pentingnya agar dipertahankan kedaulatan dan maruah bangsa, negara dan ugama dari dicerobohi oleh sebarang ancaman musuh dan petualang negara, titah Baginda. Baginda bertitah demikian selepas 42 hari kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Pentingnya keselamatan di dalam kemajuan dan kemakmuran negara, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pernah dititahkan oleh Almarhum semasa upacara Perletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan dalam tahun 1965 yang berbunyi," Berapa suci pun cita-cita kita, berapa besar pun rancangan kita, berapa tinggi pun cadangan kita, perkara itu tidak akan dapat dicapai faedahnya dengan ketiadaan keamanan, ketenteraman dan keselamatan kita kawal bersama dengan hati yang jujur, tulus ikhlas semata-mata untuk kebajikan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala."

Penubuhan Askar Melayu Brunei pada tahun 1960, yang akhirnya dinamakan Askar Melayu Diraja Brunei dan sekarang dikenali Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah bukti hasrat murni Almarhum yang mahu mengekalkan keselamatan dan kedaulatan negara.

### Nasionalis Unggul

"Di samping sebagai seorang negarawan yang terulung dan banyak menabur jasa bakti, Almarhum juga merupakan seorang nasionalis dan sasterawan yang unggul," titah Baginda.

Nama dan jasa-jasa Almarhum tetap dicatat dengan tinta emas dalam sejarah negara kita, dan akan menjadi kemegahan dan ristaan zaman berzaman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika dijunjung ziarah oleh orang ramai di Istana Nurul Iman.

# Majlis Bertahlil genap 40 hari selamat disempurnakan

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar

Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Bahar PHO, Pg. Haji Yaakub dan Harun Rashid

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke majlis bertahlil genap 40 hari kemangkatan ayahanda Baginda di Kubah Makam Diraja di sini pada 18 Oktober lepas.**

Berangkat sama ialah adinda-adinda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan serta lain-lain ahli kerabat Diraja.

Juga hadir di majlis itu termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran, Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Menteri, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim telah mengepalai majlis bertahlil.

Doa tahlil dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta adinda-adinda Baginda kemudiannya menjirus ayeng asah-asahan di makam Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien sejurus selesai doa tahlil dibacakan.

Sementara itu majlis bertahlil genap 40 hari kemangkatan Almarhum juga telah diadakan di Istana Nurul Iman dan Istana Darussalam di Kampong Sumbiling.

Setiap malam di Istana Nurul Iman ribuan rakyat dan penduduk dari seluruh negara menghadiri majlis bertahlil dan membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan Surah Yassin sepanjang malam sejak kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Majlis bertahlil juga diadakan di Istana Darussalam di Kampong Sumbiling yang dihadiri oleh pegawai-pegawai masjid, guru-guru ugama dan persatuan-persatuan dari seluruh negara.

Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien mangkat pada 7 September yang lalu dan dimakamkan di Kubah Makam Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan ketika berangkat ke majlis bertahlil.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan adinda-adinda Baginda ketika berangkat di majlis bertahlil genap 40 hari di Kubah Makam Diraja.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri) Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (bawah kiri) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan (bawah) ketika menjirus ayeng asah-asahan ke makam Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

DOA majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Mufti Kerajaan.









## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-351

# MENJAUHI LARANGAN ALLAH

**Bahagian Ketiga**



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

11. DARIPADA sahabat Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma telah, berkata: Telah datang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kami, dan bersabda: (ertinya:) Hai para orang Muhajirin (sahabat-sahabat yang berhijrah ke Madinah daripada kalangan orang-orang Quraish), lima perkara apabila kamu dibalakan, maka saya berlindung dengan Allah supaya tidak berjumpa dengannya, iaitu apabila zina, mukah dan kandak itu dilakukan dengan terang-terang pada sesuatu masyarakat kumpulan atau suatu tempat, maka menjadi-jadilah di kalangan mereka itu penyakit taun, dan menjadi-jadilah penyakit-penyakit yang tiada pernah berlaku pada zaman-zaman yang silam iaitu zaman datuk nenek kita (sebagaimana dirasai dunia sekarang dengan penyakit-penyakit). Apabila dilakukan curang dalam sukatan dan dalam timbangan dacing dalam sesuatu tempat, maka mereka akan diserang kemarau dan payah mendapat bekalan makanan (ini dilakukan oleh taukeh-taukeh dan peniaga-peniaga, pekedai-pekedai dan penjual-penjual yang khianat dan tamak akan harta orang) dan mereka akan dikerasi dan akan dianiayakan oleh pemerintah-pemerintah mereka (balasan di atas curang dan tamak mereka). Apabila mereka tiada mengeluarkan zakat harta mereka yang wajib dizakatkan, (sebab sudah ada nisab dan haul, sama ada mereka orang kaya dan berada atau orang biasa), maka mereka akan ditimpa dan dibalakan dengan kekurangan air dari langit, (sekarang manusia bimbang dengan kekurangan air bekalan dalam dunia ini), sekiranya kalau tiada kerana binatang-binatang yang ada di muka bumi itu, nescaya tiada turun hujan ke atas mereka. Apabila mereka belot dan mungkir janji dan tiada menyempurnakan janji-janji Allah dan janji-janji Rasul-Nya Sallallahu Alaihi Wasallam (mengabaikan perintah Allah dan larangan Allah dan suruhan Rasul-Nya dan tegahan Rasul-Nya Sayidina Muhammad), maka Allah Taala akan biarkan seteru-seteru mereka yang bukan daripada bangsa mereka (penjajah) menguasai mereka dan menjajah mereka (bagaimana sekarang Israel menjajah orang Arab dan umat Islam dahulunya dijajah oleh penjajah) dan penjajah-penjajah itu mengambil dan memonopoli harta benda mereka. Apabila pemimpin umat Islam tiada menjalankan undang-undang Quran Allah Taala, dan tiada memilih hukum-hukum yang telah Allah turunkan dalam Quran dan Sunnah Rasulullah, maka Allah Taala jadikan mereka bergaduh sesama sendiri, berkelahi, berbantah-bantah dan berselisih tiada bersatu-padu kerana membelakangkan undang-undang Allah dan ikut hawa nafsu.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah, Al-Bazar dan Al-Baihaqi.

12. Daripada sahabat Anas bin Malik radhiallahu anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda (ertinya): Sentiasalah kalimah LAA ILAAHA ILLALLAAH itu memberi guna kepada siapa yang mengucap akannya, dan menolak azab Allah dan bala Allah daripada mereka selagi mereka tiada meringan-ringankan hak kalimah LAA ILAAHA ILLALLAAH itu, sahabat bertanya: Ya Rasulullah, apa dia meringan-ringankan LAA ILAAHA ILLALLAAH itu, sabda Rasulullah: Orang yang berterang-terang mengerjakan maksiat dan dosa di hadapan ramai, maka tiada siapa menghalang dan menahan munkar itu dari berterusan. Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Asbahaani.

Sekarang banyak orang-orang Islam bersubahat dengan ahli-ahli maksiat dan tiada dilarang dan ditegah kejahatan yang dilakukan oleh ahli-ahli maksiat itu.

13. Daripada sahabat Ibnu Mas'ud radhiallahu anhu telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (ertinya): Manakala Bani Israel melakukan kejahatan dan maksiat, maka ulama mereka menegah mereka dari melakukan dosa dan maksiat itu, dan mereka tiada mahu berhenti, maka ulama mereka duduk juga pada majlis-majlis mereka dan makan bersama-sama mereka dan minum bersama-sama mereka, maka Allah Taala gaulkan hati mereka semuanya dengan kejahatan, dan Allah laknat mereka melalui lidah Nabi Daud dan Isa bin Maryam Alaihissalam, mengapa? Kerana mereka semuanya telah derhaka dan mereka berterusan dalam derhaka dan subahat bersama-sama, kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam duduk dari bersandar dan bersabda: Tidak, demi Allah hendaklah kamu paksa mereka sehingga mereka mengerjakan perkara yang benar dan meninggalkan kejahatan dan dosa itu.

### LIMA BELAS PERKARA

14. Daripada Sayidina Ali radhiallahu anhu telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (ertinya:) Apabila umat saya umat Muhammad membuat lima belas perkara, nescaya bala akan menimpa ke atas mereka. Sahabat bertanya: Apa itu ya Rasulullah? Bersabda Rasulullah: Apabila harta tawanan tiada dibahagikan kepada pejuang-pejuang yang berhak padanya, dan apabila amanah itu dibuat sewenang-wenangnya, apabila zakat itu dikatakan sebagai beban hutang, apabila suami taatkan isteri (kemudi di hadapan), apabila anak derhakakan ibunya, apabila anak baik kepada rakannya, apabila anak bencikan bapanya, apabila suara orang-orang riuh-rendah dalam masjid, apabila ketua sesuatu kumpulan itu adalah seburuk-buruk dan serendah-rendah manusia pada fi'elnya dan kelakuannya, apabila dimuliakan seseorang itu kerana takutkan kejahatannya dan keganasannya, apabila diminum arak berterang-terang sebagaimana dalam majlis-majlis sekarang, apabila pakaian sutera asli dipakai oleh laki-laki, apabila disimpan dan dibayar dan digaji penyanyi-penyanyi perempuan dan alat-alat hiburan (sebagaimana manusia sekarang memuliakan kebudayaan dan hiburan dan penyanyi-penyanyi perempuan di mana-mana sahaja), apabila melaknat oleh orang Islam sekarang akan orang-orang Islam yang dahulu dari para sahabat, tabi'in, ulama dan orang-orang salih daipada umat Saiyidina Muhammad, maka tunggulah ketika berlaku perkara-perkara itu atau sebahagian dari perkara-perkara itu akan malapetaka ribut taufan, atau sedutan bumi dan manusia ditukar dan dijadikan binatang kera, monyet dan babi sebagai balasan di atas kejahatan mereka.

Sekarang sudah berlaku macam-macam malapetaka dan kita belum lihat orang jadi monyet, kera dan babi, tunggulah apabila maksiat berlarutan dan tiada siapa bangun menegah dan melarangnya dan semuanya reda dan bersetuju berbuat maksiat dan derhaka kepada Allah Taala itu. Berlarutanlah buat maksiat-maksiat yang telah disebutkan Rasulullah dan tunggulah padahnya kelak. Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termidzi.

### MANUSIA JADI BABI

15. Diriwayatkan daripada sahabat Abu Umaamah radhiallahu anhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, ertinya: Bermalam hari suatu kumpulan daripada umat Islam, dengan makan minum, bersuka ria dan bermain-main hiburan, maka mereka telah ditukarkan rupa mereka menjadi monyet dan babi, (bagaimana Bani Israel dirupakan monyet bila mereka tiada menegah kejahatan dari berterusan berlaku) demi Allah mereka akan ditimpa malapetaka sedutan bumi dan lontaran azab dari langit, sehingga pada pagi-pagi hari orang-orang berkata: Kampung Polan telah disedut bumi pada malam semalam, dan rumah Polan yang terkemuka telah disedut bumi pada malam semalam, demi Allah akan dilontarkan batu dari langit ke atas mereka, sebagaimana Allah Taala telah melontarkan batu ke atas kaum Lut di atas beberapa suku-suku mereka dan rumah-rumah kediaman mereka, demi Allah akan meniupkan ribut taufan sebagaimana taufan yang telah membinasakan kaum 'Ad tujuh malam dan lapan hari berturut-turut, di atas beberapa suku-suku mereka dan di atas rumah-rumah kediaman mereka, kerana apa? Kerana mereka minum arak berterang-terang, memakai sutera asli yang ditegah, mereka mengambil penyanyi-penyanyi perempuan (bagaimana sekarang digaji, dipuja dan dimuliakan perempuan-perempuan yang maksiat itu yang menjadikan mereka dayus dan kuwat). Mereka makan riba, mereka bermusuh berpecah-belah dengan kerabat-kerabat, saudara-mara mereka, dan satu perkara rawinya tiada ingat.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, Ibnu Abi Ad-Dunia dan Al-Baihaqi.

Setengah-setengah dalil itu menjadi ingatan dan panduan bagi pembaca petua ini dan setengah-setengah dalil itu menunjukkan akibat dari melanggar perintah Allah Taala dan membuat pantang larang Allah Taala. Ingkarkan perintah Allah Taala dan melanggar larangan Allah mendatangkan akibat dan malapetaka ke atas orang yang melakukan, yang bersetuju dan yang diredakan perkara kejahatan, derhaka dan maksiat dosa itu dilakukan, selain dari dosa azab api neraka yang diterima oleh penderhaka dan orang yang bersetuju dengan perkara maksiat dan dosa itu di akhirat kelak.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung).

# HAMPIR TIGA RIBU MENDAFTAR TUNAIKAN HAJI



SEBAHAGIAN dari orang ramai yang datang sejak awal-awal pagi lagi sedang mendaftar di Jabatan Hal Ehwal Ugama di Bandar Seri Begawan. — Gambar ihsan Maidin Jaya, JHEU.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir tiga ribu orang dari seluruh negara telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji 1987/1407 sejak pendaftaran dibuka pada 6 Oktober lepas.**

Pada tahun lepas seramai 2,856 orang telah menunaikan fardu haji dari negara ini.

Pendaftaran tersebut telah dibukakan di Jabatan Hal Ehwal Ugama di keempat-empat daerah di negara ini dan masih dibuka kepada orang ramai sehingga 6 November depan. Pendaftaran yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Sebaik-baik saja pendafataran dibuka pada hari tersebut, sejak awal-awal pagi lagi orang ramai sudah berbaris di luar pusat-pusat pendaftaran di seluruh negara dengan harapan untuk mendapatan penerbangan yang pertama.

Salah seorang yang ditemui semasa mendaftar di pusat pendaftaran di Jabatan Hal Ehwal Ugama di ibu negara berkata: "Mendaftar awal-awal banyak kebaikannya, terutamanya kalau dapat penerbangan yang pertama cepat menjejakan kaki di tanah suci."

Beliau yang tidak mahu namanya disebutkan juga memberitahu sudah dua kali menunaikan fardu haji dan kali ketiga ini ia akan membawa anak-anaknya sekali.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 22 Oktober, 1986 hingga ke hari Selasa 28 Oktober, 1986 adalah seperti di bawah ini : —

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| Oktober | | | | | | | | | | | | |
| 22 | 12.07 | 3.24 | 3.25 | 6.04 | 6.05 | 7.14 | 7.15 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.05 | 6.06 |
| 23 | 12.07 | 3.24 | 3.25 | 6.03 | 6.04 | 7.14 | 7.15 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 24 | 12.07 | 3.24 | 3.25 | 6.03 | 6.04 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 25 | 12.07 | 3.24 | 3.25 | 6.03 | 6.04 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 26 | 12.07 | 3.24 | 3.25 | 6.03 | 6.04 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 27 | 12.07 | 3.24 | 3.25 | 6.02 | 6.03 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 28 | 12.06 | 3.24 | 3.25 | 6.02 | 6.03 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Pentingnya mempereratkan hubungan silatulrahim




*"BARANGSIAPA yang ingin dipanjangkan umurnya dan dimurahkan rezekinya maka hendaklah ia bertakwa kepada Allah dan hendaklah sentiasa mengadakan hubungan silatulrahim"*

**MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**

**Salah satu ajaran Islam yang hampir-hampir diabaikan atau dipandang ringan oleh orang-orang Islam adalah tentang pentingnya hubungan silaturahim atau perasaan sesama orang-orang Islam sendiri. Kononnya keadaan kehidupan di zaman moden ini tidak lagi memberi peluang kepada seseorang itu untuk mengambil berat tentang hal-ehwal orang lain atau untuk mengelinga susah senangnya orang lain itu. Apa yang harus dilakukan di zaman moden ini ialah memikirkan hal diri sendiri sahaja dan berusaha mencari kesenangan seberapa yang banyak tanpa menghiraukan orang lain.**

Pendapat serupa ini adalah salah dan amat bertentangan dengan ajaran ugama Islam yang suci, kerana ugama Islam sejak dari mula lahirnya lagi sangat mengambil berat tentang hubungan silaturahim ini iaitu bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat dan bagi mewujudkan perpaduan di kalangan anggota-anggotanya.

**SILATURAHIM**

Adapun yang dimaksudkan dengan mempereratkan tali silaturahim itu bukanlah semata-mata dengan jalan ziarah-menziarahi atau kunjung-mengunjungi sebagaimana yang difahami oleh setengah-setengah orang, tetapi pengertian silaturahim yang sebenarnya lebih luas dari itu. Ianya meliputi semua kegiatan atau perkara yang dapat mengadakan hubungan perasaan kasih mesra di antara orang-orang Islam sesama sendiri, seperti tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu sama lain, supaya beban yang susah dan berat dapat menjadi ringan, kesusahan akibat terinaya dapat dibela, dan perasaan putus asa orang yang hilang pegangan dapat dihidupkan semula dengan nasihat dan penghargaan.

Dari sini dapat kita fahami bahawa tolong-menolong dan bantu-membantu bagi mempereratkan hubungan silaturahim tidak tertentu kepada bantuan orang atau mata benda sahaja, tetapi kadang-kadang ia juga dapat dilaksanakan dengan tenaga dan nasihat. Bahkan nasihat itu pada keadaan tertentu lebih berharga daripada bantuan mata benda atau tenaga.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam sebuah hadis Baginda maksudnya kira-kira: *"Barangsiapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan dimurahkan rezekinya maka hendaklah ia bertakwa kepada Allah dan hendaklah ia sentiasa mengadakan hubungan silaturahim."*

Sesungguhnya mempereratkan hubungan silaturahim adalah sangat perlu, kerana dengan wujudnya hubungan yang baik dan mesra di antara orang-orang Islam sesama sendiri maka perpaduan masyarakat akan dapat dikukuhkan, kemajuan-kemajuan dapat dibuat dan segala ancaman dan anasir dapat dihancurkan.

**KELEMAHAN UMAT ISLAM**

Kita orang Islam sangat lupa, bahawa punca utama kejatuhan satu-satu umat itu ialah perpecahan mereka. Demikian lebih-lebih lagi umat Islam patut mengambil iktibar ini dengan tidak berlengah-lengah. Sesudah terbukti kelemahan umat Islam antara sebabnya yang besar ialah bertelagah sesama sendiri yang bermakna juga memberi peluang kepada orang lain atau musuh memporak-perandakan kita. Apabila telah porak-peranda, maka mulailah kuasa-kuasa di tangan orang Islam itu lemah; kuasa ekonominya lemah, urusan negaranya lemah, dan bahkan ugama yang dianutinya juga (dakwa Islam) sendiri turut lemah, ditekan-tekan dan disekat-sekat. Semua ini, apabila orang Islam tidak lagi bersatu. Kerana itulah, Allah melarang dengan keras umat Islam berpecah-belah, sebaliknya menggesa agar mereka bersatu-padu di bawah Islam. Firman Allah Taala dalam surah Ali Emran ayat 103 tafsirnya: *"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah, dan janganlah kamu berpecah belah."*

Larangan berpecah-belah di sini terang, kerana akibatnya sangat buruk, lebih-lebih lagi Allah yang maha mengetahui bahaya-bahayanya yang sebenar.

Oleh itu, umat Islam perlulah sedar dan mengambil iktibar daripada ayat ini dengan bercerminkan kepada kenyataan-kenyataan sejarah dan mahupun apa yang sedang berlaku pada hari ini di sana sini.

*"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah, dan janganlah berpecah-belah".*

## Menuju Keredaan Allah

# Menahan marah termasuk golongan takwa

ALLAH Subhanahu Wataala berfirman di dalam surah Ali-Imran ayat 133 dan 134 yang bererti: **"Bersegeralah bermohon keampunan kepada Tuhan kamu, dan memohon Syurga yang luasnya meliputi langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertaqwa, iaitu mereka yang membelanjakan hartanya dalam keadaan senang dan susah, dan mereka yang menahan kemarahan dan memaafkan orang, dan Allah amat mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan."**

Dari tafsiran ayat di atas membuktikan kepada kita bahawa orang yang menahan marahnya termasuk dalam golongan muttaqin iaitu orang-orang yang bertaqwa kepada Allah Taala. Dan Allah akan memberi pengampunan-Nya kepada mereka lalu menyediakan bagi mereka balasan Syurga.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, ertinya: *"Barangsiapa menahan kemarahan nescaya Allah akan menahan siksa-Nya terhadap orang itu, barang-siapa mengemukakan keuzuran kepada Allah nescaya Allah akan menerima keuzurannya itu dan barangsiapa menyimpan lisannya nescaya Allah akan menutup segala kemurkaan-Nya."*

Baginda bersabda lagi yang bermaksud: *"Orang yang paling gagah di antara kamu ialah orang yang dapat mengalahkan nafsunya semasa marah dan orang yang paling penyantun pula ialah orang yang memberikan maaf, sedangkan ia berkuasa untuk membalas."*

Satu peristiwa di zaman Khalifah Umar Ibnu Al-Khatab radhiallahu anhu beliau telah didatangi oleh orang dusun yang berwatak kasar, lalu berkata kepadanya: "Wahai Umar, demi Allah engkau tidak berlaku adil dalam pemerintahanmu dan tidak memberikan secukupnya kepada kami." Mendengar ucapan itu Khalifah Umar menjadi marah hingga kemarahan itu ketara pada wajahnya, tiba-tiba salah seorang para hadirin telah menyampuk dan berkata, "Wahai Amirul Mukminin, bersabarlah, tidakkah tuan mendengar perintah Allah Taala, (yang bererti): "Ambillah sikap pemaaf dan suruhlah orang berbuat yang baik-baik dan jangan mengindahkan orang yang bodoh itu." (Suruh Al-A'raaf ayat 199). Mendengar peringatan itu Khalifah Umar pun bertenang semula, beliau memaafkan si penuduh itu.

Demikianlah beberapa ayat Al-Quran dan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhubung dengan keutamaan menahan diri dari marah.

# PERKASA anjur Musabaqah Membaca Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan tujuan utama bagi menggalakkan belia-belia supaya mendampingi diri dengan ajaran-ajaran ugama Islam, Persatuan Kampong Saba (PERKASA) di sini sekali lagi akan menganjurkan Musabaqah Membaca Kitab Suci Al-Quran.

Musabaqah ini hanya dibukakan kepada penduduk-penduduk Mukim Saba dan ahli-ahli Persatuan Perkasa lelaki dan perempuan yang berumur 16 tahun ke atas.

Selain dari orang dewasa, peraduan ini juga dibukakan untuk kanak-kanak dari kampung tersebut yang berumur 13 tahun kebawah lelaki ataupun perempuan.

Walau bagaimanapun menurut penganjur, peserta yang pernah memasuki peringkat akhir di Peraduan Membaca Kitab Suci Al-Quran di peringkat negara tidak dibenarkan memasuki peraduan ini.

Penganjur juga berharap dengan adanya peraduan ini nanti dengan sendirinya akan dapat memupuk perasaan persaudaraan di kalangan belia di samping dihasratkan meninggikan mutu pembacaan kitab suci Al-Quran di kalangan Belia Persatuan Perkasa.

Bagi ahli-ahli persatuan serta penduduk-penduduk Kampong Saba yang ingin menyertai peraduan tersebut bolehlah mendapatkan borang serta keterangan lanjut daripada Awang Yamin bin Haji Saat, Kampong Saba Darat "B" Awang Haji Hashim bin Haji Safar di Kampong Saba Darat "A". Awang Haji Sarbini bin Haji Ibrahim di Kampong Saba Laut dan dari Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad di Kampong Saba Tengah.

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dihantar kepada mereka yang tersebut di atas tidak lewat 1 November 1986.

# Bayaran wharf dan sewa stor

PENGAWAL Pelabuhan-Pelabuhan sukacita memaklumkan bahawa bayaran wharf dan sewa stor tidak akan dikecualikan kepada Diplomat-Diplomat, Naafi dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Bayaran wharf dan sewa stor bukanlah merupakan bayaran cukai tetapi adalah bayaran yang dikenakan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan.

Bayaran-bayaran tersebut dikuatkuasakan sejak 5 Julai, 1986.



AWANG Mohammad Hassanuddin

# Pemuda Dusun memeluk Islam

TUTONG. — Seorang pemuda Dusun Awang Radin bin Saperi baru-baru ini telah memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di Kampong Penabai di sini.

Awang Radin kini dikenali sebagai Awang Mohammad Hassanuddin bin Saperi setelah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Yusof bin Haji Kamis, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama di daerah itu.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Mohammad turut hadir dan seterusnya berucap di majlis itu bagi mengalu-alukan dan menyampaikan nasihat kepada saudara baru Islam itu. Di akhir majlis Pegawai Daerah Tutong juga telah menyampaikan cenderamata kepada saudara baru itu.



Datin Paduka Hajjah Zaharah memotong kelupis raksasa sebagai menandakan perasmian pelancaran Buku Kuih-kuih Asli Brunei. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Penerbitan Buku Kuih Asli Brunei secocok dengan aspirasi negara

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Datin Paduka Hajjah Zaharah binti Haji Idris berkata, penerbitan buku kuih-kuih asli Brunei secucuk dengan aspirasi kita sebagai sebuah negara yang merdeka.

"Masanya telah tiba bagi kita bersama menentukan secara tegas jenis-jenis bahan makanan yang dihidangkan kepada anak-anak kita dan masyarakat negara Brunei Darussalam," kata Datin Paduka Hajjah Zaharah dalam Majlis Pelancaran Buku Kuih-kuih Asli Brunei pada 18 Oktober lepas.

Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajjah Fatimah binti Haji Mohd. Hussin dalam ucapan alu-alunya menekankan, kebudayaan suatu bangsa itu tidak akan dapat dipertahankan jika masyarakatnya tidak berusaha menghadapi gejala-gejala yang boleh meruntuh atau menggugatkannya.

Dayang Hajjah Fatimah berkata, kita dapat melihat berbagai-bagai gejala asing yang jika kita tidak berhati-hati boleh melenyapkan apa yang selama ini kita warisi dari nenek moyang kita.

"Buku Kuih-kuih Asli Brunei yang baru diterbitkan ini adalah usaha Dewan Bahasa dan Pustaka untuk merakam warisan bangsa agar generasi kita masih mampu mengetahui jenis kuih-kuih asli Brunei," kata Dayang Hajjah Fatimah.

Dewan Bahasa dan Pustaka berharap, buku ini dapat dimanfaatkan bukan sahaja bagi golongan tua wanita yang mengenali kuih-kuih asli Brunei bahkan akan menarik minat generasi muda wanita kita.

Kita perlu berkeyakinan, ciri-ciri budaya bangsa itu perlu didekati dan diminati jika kita ingin melihat ia terus hidup subur. Budaya suatu bangsa terletak pada generasi muda.

Buku ini mengandungi 61 jenis kuih asli Brunei, sebanyak 21 jenis kuih kering dan 40 kuih basah. Buku ini sedang dijual di Dewan Bahasa dan Pustaka dengan harga $35.00 senaskah.

Lebih 200 orang wanita dari pelbagai golongan telah hadir. Antaranya isteri-isteri para diplomat asing di negara ini, isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan dan lain-lain ahli pertubuhan wanita.



INILAH bentuk Buku Kuih-Kuih Asli Brunei yang boleh dibeli dengan harga $35.00 senaskah di Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar ihsan

# $1 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI PENCEN TUA

BERAKAS. — Hampir $1 juta dibelanjakan dalam sebulan oleh kerajaan bagi memenuhi kehendak Akta Pencen-Pencen Negara 1954.

Bahagian Pencen-Pencen Negara, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan bertanggungjawab dalam melaksanakan rancangan kerajaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan orang-orang tua, orang-orang buta, orang-orang gila, orang-orang yang tidak berdaya anggota (cacat) dan orang-orang yang mengidap penyakit Hansen (kusta).

Timbalan Pengawal Pencen-Pencen Negara, Awg. Haji Yahya bin Mohd. Yussof berkata satu peruntukan khas telah ditetapkan pada tiap-tiap tahun bagi membayar kepada mereka yang berkenaan untuk faedah-faedah daripada rancangan tesebut, seabgaimana yang ditetapkan oleh Akta Pencen-Pencen Negara 1954.

Dari sini kita sendiri nampak bahawa nasib orang-orang tua di negara kita tidak terbiar begitu saja, walaupun mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan pendapatan tetap kerana kerajaan dalam memerhatikan kebajikan orang-orang tua di negara kita adalah sangat diutamakan.

Menurut Awg. Haji Yahya, semenjak akta tersebut diluluskan sehingga sekarang, seramai 8,000 penerima-penerima pencen tua seluruh negeri telah didaftarkan, termasuk 1,000 orang menerima elaun disebabkan buta, gila, tidak berdaya anggota (cacat) dan pengidap penyakit Hansen (kusta).

Lima perubahan pembayaran telah dilakukan sejak skim ini dilancarkan 32 tahun yang lalu.

Tahun 1955 hingga 1971 kadar pembayaran bulanan setiap seorang sebanyak $20.00; tahun 1971 hingga 1973 sebanyak $25.00; tahun 1973 hingga 1976 $30.00; tahun 1977 hingga 1979 sebanyak $37.50; dan tahun 1980 hingga 1983 sebanyak $50.00.

Kemudian setelah negara kita mencapai semula kemerdekaan pada tahun 1984, pencen bagi orang tua dibayar sebanyak $100 setiap seorang. Manakala itu elaun kerana buta, gila, dan lain-lain juga dinaikkan bayarannya.



TIMBALAN Pengawal Pencen-Pencen Negara, Awang Haji Yahya bin Mohd. Yussof. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

"Pembayaran tersebut dilakukan melalui ibu pejabat dan cawangan-cawangan pencen di setiap daerah," jelas Awang Haji Yahya.

Di samping itu, tambahnya, pembayaran juga dilakukan melalui Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu sama ada di pusat-pusat tertentu atau di balai-balai raya, yang telah disediakan oleh kerajaan di kampung-kampung.

Pembayaran ini juga dilakukan oleh pegawai-pegawai pencen di seluruh daerah dengan pergi ke rumah-rumah penerima pencen, katanya.

# Boeing 757 mulai operasi ke Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerbangan Diraja Brunei akan memperkenalkan pesawat baru Boeing 757-200 dalam perkhidmatan berjadual, pengurusan bersama dengan Penerbangan Antarabangsa Thai, antara Bandar Seri Begawan dan Bangkok mulai 2 November depan.

Langkah tersebut bertepatan dengan perubahan jadual yang membolehkan sambungan diadakan untuk penumpang-penumpang antara Bandar Seri Begawan dan Eropah.

Gerabak kelas pertama B757 mempunyai 16 buah kerusi yang lebih selesa dan boleh dibaringkan 19" lebar dan tinggi 57" dengan kulit warna plum gelap dan kain kelabu kebiru-biruan. Jalur nipis pada dinding bercirikan corak tradisi 'Ayer Muleh' sementara hiasan tandas diadun dengan warna merah tua, coklat dan perang kekuning-kuningan dengan corak warna putih dan keemasan.

Cenderamata juga akan diberikan termasuk barang-barang dari Royal Doulton dan pen Pierre Cardin.

AYER MULEH

Kelas Perniagaan juga istimewa dengan mengandungi 24 buah kerusi, tinggi 38 inci dalam warna plum lembut dengan corak Air Muleh berwarna merah tua. Kelas ekonomi pula mempunyai 108 buah kerusi 32 inci tinggi.

Semua penumpang-penumpang B757 antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand mempunyai pilihan lapan saluran stereophonic dengan musik perlahan, klasik pop, jazz serta komidi dan rancangan untuk kanak-kanak. Bagi penerbangan jauh, sistem video menayangkan filem dokumentari dan komidi.

Kelas pertama dan perdagangan boleh menggunakan bilik istirehat Penerbangan Diraja Brunei di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan bilik istirehat Penerbangan Antarabangsa Thai di Lapangan Terbang Antarabangsa Thai.

Mulai 1 November depan, penerbangan akan meninggalkan Bandar Seri Begawan setiap hari Selesa jam 7.00 malam dan tiba di Bangkok pada jam 8.55 malam bagi membolehkan penerbangan sambungan dibuat dengan beberapa buah pesawat menuju ke Eropah. Setiap hari Rabu beberapa perkhidmatan berjadual dari Eropah akan tiba di Thailand dalam waktu yang membolehkan membuat penerbangan sambungan dengan Penerbangan Diraja Brunei yang akan meninggalkan Bangkok jam 10.00 pagi dan tiba di Bandar Seri Begawan pada pukul 2.00 petang.

Penerbangan-penerbangan setiap hari Jumaat dan Ahad akan bertolak dari Bandar Seri Begawan jam 9.30 pagi dan tiba di Bangkok pada jam 11.25 pagi. Penerbangan balik bagi kedua-dua hari tersebut akan meninggalkan Bangkok jam 12.25 petang dan tiba di Negara Brunei Darussalam pada jam 4.25 petang.

BERUNTUNG

"Pengenalan Boeing 757 menggambarkan kenaikan 54 peratus dalam muatan penumpang," jelas Pengurus Perdagangan Penerbangan Diraja Brunei, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Ahmad.

"Pengiriman kargo akan beruntung dengan muatan tujuh tan dalam pesawat baru dibandingkan dengan hanya 2.5 tan dalam Boeing 737s. Pertambahan ini membayangkan kepercayaan kita dalam perkembangan dagangan antara Brunei Darussalam dengan Thailand, berpandukan pengalaman kita terhadap laluannya sejak 1977," tambah beliau.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 22 Okt. hingga 28 Okt. 1986

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Limau Manis | 22.10.1986 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Pengkalan Batu | 22.10.1986 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Rendah Masin | 22.10.1986 | Rabu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Kupang | 22.10.1986 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Berakas Garison | 23.10.1986 | Khamis | 9.00–10.00 pagi |
| Padang Kawat Berakas Kem | 23.10.1986 | Khamis | 10.05–11.05 ,, |
| Sekolah Rendah Jerudong | 25.10.1986 | Sabtu | 8.30– 9.30 ,, |
| Pusat Tahanan Jerudong | 25.10.1986 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Rendah Sengkurong | 25.10.1986 | Sabtu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 25.10.1986 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah OKSB Kilanas | 25.10.1986 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut | 25.10.1986 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu | 26.10.1986 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kampong Perpindahan Serasa | 26.10.1986 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di Hadapan Kedai Muara | 26.10.1986 | Ahad | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Lumapas | 27.10.1986 | Isnin | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Junjungan | 27.10.1986 | Isnin | 9.00–10.00 ,, |
| Sekolah Rendah Panchor Murai | 27.10.1986 | Isnin | 10.15–11.15 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 27.10.1986 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas | 27.10.1986 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Rendah OKBI Subok | 28.10.1986 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak | 28.10.1986 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# PENERIMA PENCEN TUA TAMBAH PENDAPATAN DENGAN HASIL KRAFTANGAN

**TIDAK disangka kraftangan-kraftangan daripada buluh, mengkuang dan daun pandan yang dibuat oleh orang-orang tua kita yang tinggal di luar bandar dan pedalaman telah menarik perhatian para pelancong luar negeri yang datang ke negara kita.**

Usaha yang dibuat bagi mengisi masa, sangat menarik perhatian mereka terutamanya seperti 'takiding' yang berbentuk besar atau yang kecil, 'bubu', 'pasur', 'nyiru', 'tamuai', dan lain-lain kraftangan tradisional telah mendapat tempahan yang banyak sejak kebelakangan ini.

Memandangkan orang-orang tua kita kebanyakannya tidak mempunyai pendapatan yang tertentu, kebolehan dalam menghasilkan kraftangan-kraftangan tradisional adalah satu usaha yang patut diberikan galakan bagi menimbal atau membantu pendapatan mereka, jangan hanya berharap kepada pencen tua sebanyak $100 yang dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Daripada duduk tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan berharap kepada pencen tua semata-mata, adalah lebih baik kebolehan yang sedia ada ini dikembangkan agar seni warisan orang-orang tua kita tidak hilang begitu sahaja ditelan zaman.

## DIKEMBANGKAN

Memang kita tidak nafikan, banyak mana orang-orang kita yang menghargai hasil kraftangan asli orang-orang tua, lebih-lebih lagi pembuat kraftangan tersebut jauh tinggal di pedalaman.

Dalam menghasilkan kraftangan memang tidak banyak belia-belia kita sekarang yang memberi sokongan atau bergiat, terutama mereka yang hidup di bandar, tidak setakat itu saja, malah mereka yang datang dari kampung-kampung di luar bandar dalam pedalaman sendiri semakin lama semakin melupakan seni kraftangan warisan mereka ini.

Timbalan Pengawal Pencen-Pencen Negara, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Haji Yahya bin Mohd. Yusoff juga telah mengakui kenyataan ini.

Menurut beliau, atas tujuan menghidupkan kraftangan asli kita inilah Bahagian Pencen-Pencen Negara telah mengambil inisiatif dengan pergi ke kampung-kampung di luar bandar dan pedalaman, menemui sendiri orang-orang tua kita yang mempunyai berbagai-bagai kebolehan di bidang kraftangan tradisional supaya meneruskan usaha-usaha mereka.

Usaha memperkenalkan kraftangan asli negara kita walaupun sudah lama dijalankan oleh Bahagian Pencen-Pencen Negara melalui pameran-pameran, menurut Awg. Haji Yahya, tetapi bekalannya belum mencukupi, sedangkan bilangan orang ramai terutama pelancong-pelancong luar negeri yang berminat dengan kraftangan kita adalah lebih daripada penghasilan yang telah dibuat.





PEMBUATAN 'tar' daripada kulit kambing yang diusahakan oleh Haji Mat Niah bin Haman dari Kampong Telisai, Tutong (atas kiri) dan membuat 'parang' yanᵑ dibuat oleh Hj. Kura bin Bakar yang berusia 69 tahun berasal dari Kampong Keriam (atas kanan).

Oleh Zubaidah Haji Salat
Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO
dan Ihsan Bahagian Pencen-Pencen Negara

"Memikirkan kepada permintaan yang sangat menggalakkan, pegawai-pegawai pencen yang bertugas, iaitu siapa yang lebih dekat dengan orang-orang tua terutama semasa membayar elaun pencen, telah mengambil sendiri hasil-hasil kraftangan yang telah siap untuk dijual kepada orang ramai dan pelancong-pelancong yang telah menempah, tegas beliau lagi.

Bagi mereka yang rajin, menurut Awang Haji Yahya, mereka boleh menambah pendapatan dari $500 hingga ke $600 sebulan daripada hasil kraftangan yang mereka buat.

Sekiranya jualan barang-barang kraftangan orang-orang tua kita sambutannya semakin menggalakkan dan kehendak-kehendak orang-orang luar begitu tinggi, tambah Awang Haji Yahya, dengan sendirinya akan menarik minat anak-anak muda yang selama ini tidak berkemahiran di bidang kraftangan untuk belajar daripada orang-orang tua yang berkemahiran pada masa ini.

## KERUGIAN

"Kita dan negara sendiri akan kerugian sekiranya seni warisan ini dibiarkan begitu sahaja, tanpa diturunkan kepada orang-orang muda terutamanya belia-belia kita yang ada sekarang," tambah beliau.

Membentuk kemahiran dalam bidang kraftangan di kalangan muda-mudi tidak mustahil dapat dilakukan umpamanya melalui kursus di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan yang ada sekarang, kerana inilah masanya negara kita mengambil langkah positif bagi melahirkan karyawan muda di bidang pembuatan seni kraftangan kita ini, ujar Awang Haji Yahya mencadangkan.

Walau bagaimanapun, jelasnya lagi, pihak Bahagian Pencen-Pencen Negara ketika ini belum mempunyai tempat bagi menonjolkan ciri-ciri kraftangan orang-orang tua kita ini, terutamanya tempat yang menjadi tumpuan para pelancong.

Dari masalah inilah, pegawai-pegawai Bahagian Pencen-Pencen Negara, sendiri mengambil dan melawat orang-orang tua kita di seluruh kampung-kampung di semua daerah setiap bulan bagi meninjau dan mengambil kraftangan mereka yang sudah siap dan dijual mengikut harga yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri. Di samping itu, ketua-ketua kampung juga kadangkala menghantar sendiri ke Bahagian Pencen-Pencen Negara barang-barang kraftangan yang telah siap.

Bagi menghidupkan kraftangan asli negara kita supaya ianya tidak ditelan oleh perubahan zaman dan pengaruh-pengaruh benda-benda yang serupa yang lebih baik dan lebih kukuh, Bahagian Pencen-Pencen Negara kini sedang merancang untuk mengadakan syarikat kecil-kecilan bagi orang-orang tua tersebut mengusahakan kraftangan-kraftangan asli kita seperti pondok-pondok kecil, yang akan dapat menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong, agar dengan demikian barang-barang tersebut akan dapat dipasarkan dengan lebih meluas lagi.

Selain dari kraftangan, menurut Awang Haji Yahya, pihak beliau juga merancang untuk mengembangkan perusahaan kecil-kecilan di bidang pertukangan besi seperti membuat 'pemarang', 'bujak', dan lain-lain. Selain itu beliau juga merancang untuk mengembangkan pembuatan 'Tar' (Hadrah) di pondok-pondok kecil itu agar dengan demikian mereka dapat mengerjakan sepenuh masa selain dari menerima pencen umur tua.



DAYANG Hjh. Nega binti Haji Nayan, berusia 78 tahun yang berasal dari Kampong Sengkurong 'A' adalah di antara orang-orang tua kita yang berkemahiran membuat berbagai-bagai kraftangan.



DAYANG Giring binti Ismail membuat 'tudung dulang' bagi mengisi masa sambil diperhatikan oleh cucu-cucu beliau yang mungkin bakal mewarisi kemahirannya di bidang ini.



KRAFTANGAN seperti takiding, nyiru, pasur dan lain-lain yang kelihatan dalam gambar ini adalah hasil kraftangan yang telah diusahakan oleh orang-orang tua kita (penerima pencen) yang telah diambil oleh pegawai-pegawai Bahagian Pencen Negara untuk dijual.



BEGINILAH bentuk ruang pameran baru Syarikat Pemasaran Shell yang terletak di Bangunan Mayapuri di ibu negara.

# Syarikat Pemasaran Shell buka ruang pameran baru

DALAM usaha untuk memberikan lebih banyak pendedahan ke atas hasil-hasil jualan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Syarikat Pemasaran Shell Brunei telah membuka sebuah ruang pameran baru yang terletak di Bangunan Mayapuri di ibu negara.

Ruang pameran baru ini ditempatkan di tingkat bawah bangunan tersebut yang menggantikan bilik lama yang dahulunya terletak di tingkat lima.

Ketua Penjualan dan Pemasaran BSM, Awang Mohd Zein bin Mohammad menjelaskan bahawa ruang yang baru ini merupakan strategi yang mana ianya akan dapat menolong meningkatkan dan mengenalkan kepada awam barang-barang keluaran BSM.

Menurut beliau, kebanyakan orang mengenal BSM sebagai sebuah syarikat yang hanya menjual minyak kereta. Walhal BSM memasarkan hasil-hasil seperti bahan-bahan kimia industri dan kegunaan di rumah-rumah, penyembur serangga, pembunuh lalang, penyubur tumbuhan dan lain-lain kimia tumbuhan, 'weatherkote' dan banyak lagi.

Di samping itu, menurutnya, BSM juga boleh membekalkan atau mengadakan hasil-hasil sampingan Shell lain yang tidak terdapat di negara kita.

"Daya usaha telah banyak diajukan dalam memastikan kualiti-kualiti hasil ini. Harga kami mungkin lebih tinggi dari penjual-penjual lain tetapi pada rumusannya pembeli-pembeli kami akan mendapat kepuasan sepenuhnya dari pembayaran mereka," tambah beliau.




## Cari gali minyak diteruskan

MENCARI gali minyak di luar pantai bermula setelah berhenti selama kira-kira sembilan bulan.

Penggalian kali ini dilaksanakan oleh Sedco Echo dan ianya telah mengerek telaga eksplorasi Puffin East-1X sejak bulan lalu. Telaga yang dimaksudkan terletak kira-kira 15 kilometer dari barat laut Padang Gannet di dalam kawasan-kawasan perjanjian kedua luar pantai daripada masa ini sedang menggali di bawah 4400 kaki.

Telaga itu akan mengkaji struktur yang besar, mencari gali khas untuk gas di kawasan Helang-Puffin selari dengan tujuan BSP dalam simpanan-simpanan kita bagi gas yang tidak bersekutu.

## Harapan kepada graduan yang baru bekerja

# BERIKAN SUMBANGAN YANG POSITIF KEPADA SMSBB

GRADUAN-GRADUAN yang baru bekerja dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah diseru supaya dapat memberikan sumbangan-sumbangan yang positif kepada syarikat tersebut.

Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Nico Van Dijk berkata ini memandangkan peranan mereka yang begitu penting dalam memberikan sumbangan yang berharga kepada perkembangan syarikat.

Berucap dalam satu perjumpaan dengan pekerja-pekerja yang terdiri dari graduan-graduan yang baru bertempat di ibu pejabat SMSB, Pengarah Urusan SMSB seterusnya menegaskan, "Keperluan mereka untuk memberikan keutamaan kepada keselamatan bukan sahaja di tempat bekerja tetapi juga dalam kehidupan mereka sehari-hari."

Seramai 24 orang rakyat Brunei telah menghadiri Kursus Suaikenal yang dianjurkan bagi mereka untuk mengenalsuai isu-isu masa kini yang melibatkan Shell Brunei dan sistem-sistem kakitangan yang berkenaan dan rekrut-rekrut graduan.

Sesi dengan Pengarah Urusan memberikan mereka peluang untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka tentang bagaimana mereka dapat memberikan sumbangan kepada objektif-objektif syarikat dan di waktu yang sama memberikan mereka peluang untuk mengajukan pertanyaan di dalam persekitaran yang tidak rasmi.

Sepanjang kursus yang diadakan selama tiga hari itu yang bermula pada 29 September hingga 1 Oktober, para peserta telah mendengarkan taklimat-taklimat yang disampaikan oleh Awang Mike Cloughley, Pengarah Teknikal ; Awang Mat Suny bin Haji Mohd Hussien, Pengurus Perkhidmatan-Perkhidmatan Kakitangan dan Organisasi ; Awang Mohd Zaini bin Haji Omar, Pengurus Hal Ehwal Awam dan Neil Gaskell, Pengurus Kewangan.

Taklimat-taklimat yang disampaikan meliputi bidang sosial, teknik, isu-isu ekonomi, sistem tafsiran syarikat, sistem penilaian kerja dan kemudahan-kemudahan perubatan yang terdapat bagi kakitangan.



PENGARAH Urusan SMSBB bersalaman dengan graduan-graduan yang baru bekerja dengan syarikat tersebut selepas majlis perjumpaan.

# SEMBILAN HADIRI KURSUS STEP

SERAMAI sembilan orang pekerja tempatan telah mengikuti Kursus Rancangan Latihan Peninggian Kemahiran atau Skills Training dan Enhancement Programme (STEP) di Pusat Latihan SMSBB di Seria.

Antara lain kursus tersebut bertujuan untuk membantu kakitangan yang terdiri dari anak tempatan di dalam kumpulan kerja 10-7 untuk memperolehi pengetahuan yang lebih dan kemahiran-kemahiran di dalam bidang-bidang perhubungan bahasa Inggeris, perhitungan (tunjukangka), pengawasan, teknologi sains industri minyak.

Kursus intensif lapan minggu ini ditumpukan kepada 14 jam seminggu untuk kemahiran-kemahiran pengawasan, 6 jam seminggu untuk perhitungan dan tujuh jam seminggu untuk sains industri minyak.

Kursus ini adalah yang keempat diadakan sejak ianya diperkenalkan pada bulan Jun 1985 dan akan berjalan selama lapan minggu yang berakhir pada 7 November depan.

Peserta-peserta dari dua kumpulan yang pertama yang telah mengikuti kursus-kursus STEP telah pun berkumpul baru-baru ini di Pusat Latihan untuk berbincang dengan para pengajar mereka mengenai dengan penyesuaian atau penggunaan kursus tersebut dalam pekerjaan seharian mereka yang berkenaan.

Maklum balas atau feedback yang sangat berfaedah ini membantu para pengajar di Pusat Latihan untuk dapat menyelaras dan menyesuaikan pelajaran-pelajaran mereka untuk meliputi keadaan-keadaan yang praktikal.



GAMBAR menunjukkan sembilan orang pekerja Shell yang terdiri dari anak tempatan yang mengikuti kursus Rancangan Latihan Peninggian Kemahiran (STEP).

# rtb/Intisari minggu ini

## PERTANDINGAN BINTANG ASLIRAMA 1986

SERAMAI 14 peserta lagi akan memperdengarkan suara masing-masing dalam rancangan ketiga dan keempat Pertandingan Bintang Aslirama dalam peringkat separuh akhir.

Dalam rancangan ketiga yang akan ke udara pada hari Sabtu 25 Oktober, 1986 jam 9.20 malam peserta-peserta yang akan bertanding terdiri daripada Abdul Latif Haji Momin, Pg Bujang Pg Haji Suhaili, Mohammad Yusof Ibrahim, Hajjah Maria Haji Idris, Seruddin Kambar, Haji Alias Haji Omar dan Abdul Ghani Haji Mohd Noor.

### RANCANGAN KETIGA


Abdul Latif


Pengiran Bujang


Mohammad Yusof


Hajjah Maria


Seruddin Kambar


Haji Alias

Abdul Ghani

RANCANGAN keempat yang merupakan siri terakhir dalam peringkat separuh akhir ini akan ke udara pada hari berikutnya Ahad 26 Oktober 1986 bermula jam 9.20 malam. Pesertanya terdiri daripada Abdul Razak Mohammad, Ismail Haji Damit, Abdul Majid Mohammad, Yusof Sulaiman, Haji Shamsuddin Idris, Morris Haji Mayalin dan Md Junaidi Haji Mohd Salleh.

### RANCANGAN KEEMPAT


Abdul Razak


Ismail Haji Damit


Abdul Majid


Yusof Sulaiman


Haji Shamsuddin


Morris Haji Mayalin


Md Junaidi

Radio minggu ini:

## DUA RANCANGAN RADIO DI PERTANDINGAN ABU

RANCANGAN-rancangan terbitan Bahagian Melayu Radio memang banyak dan diterbitkan dalam bermacam-macam cara mengikut peringkat usia atau keadaan pendengarnya.

Di antara rancangan-rancangan tersebut ada dua buah rancangan yang akan mewakili Radio Brunei ka Pertandingan Rancangan Radio Kesatuan Penyiaran Asian atau lebih dikenali dengan nama Asian Broadcasting Union (ABU).

Melalui pertandingan tersebut akan dapatlah kita memperkenalkan cara dan teknik penerbitan kita dan berpeluang untuk mendapat perbandingan dari rancangan-rancangan penerbitan dari stesen penyiaran-penyiaran yang lainnya di Asia.

Pertandingan yang bertemakan pendidikan itu dijangka akan berlangsung di Istanbul, Turki yang mana akan dihoskan oleh Turkish Radio-TV Corporation (TRT) bermula dari 31 Oktober hingga 1 November. 1986.

Kita berbalik kepada rancangan-rancangan yang akan dipertandingkan dengan mengutarakan terlebih dahulu rancangan yang diterbitkan khusus untuk pendidikan golongan pendengar dari peringkat kanak-kanak. Rancangan yang diberi tajuk Sepanjang Perjalanan (Along the Journey) adalah untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan isinya berkisar khusus untuk memberikan hiburan dan juga nilai-nilai pelajaran.

Rancangan ini menceritakan tentang enam orang kanak-kanak sekolah rendah yang mengelilingi Sungai Brunei dengan menggunakan bot dan juga di kawasan Kampong Ayer. Di sepanjang perjalanan itu mereka tidak membuang masa dengan percuma tapi sebaliknya memenuhinya dengan bercerita tentang kisah-kisah yang ada kaitannya dengan sejarah negara kita. Sambil bercerita mereka menyanyikan lagu kanak-kanak asli Brunei yang berkaitan dengan apa yang mereka lihat ketika itu. Secara tidak langsung, rancangan ini juga mempaparkan pengajaran dan serba sedikit mengutarakan tentang sejarah Negara Brunei Darussalam.

Rancangan kedua yang terpilih untuk dipertandingkan ialah sebuah rancangan yang berbentuk pengajaran dan menimbulkan kesedaran serta memberikan pelajaran mengenai pengetahuan sosial dan kesihatan untuk suri rumahtangga dan juga orang-orang dewasa umumnya.

Rancangan ini membicarakan tentang aspek kehidupan yang sihat. Betapa pentingnya kita mengamalkan makanan seimbang, kawasan yang bersih, penjagaan kanak-kanak dan lain-lain. Juga diisikan dengan temuramah bersama dengan doktor perubatan, pegawai kesihatan dan temubual dengan seorang yang berkeadaan sihat dan mengamalkan jagaan makanan yang teratur, walaupun usianya sudah meningkat. Juga dimasukkan ialah fatwa-fatwa perlunya kita mengamalkan lunas-lunas kesihatan dalam kehidupan kita sehari-hari. Rancangan ini diberi tajuk 'Awda Yang Sihat, Awda Yang Bahagia' (Health Is Happiness).

Melalui pertandingan yang bertaraf antarabangsa ini, dapatlah kita membuat penilaian terhadap rancangan-rancangan terbitan radio melalui kacamata pengadil-pengadil yang juga bertaraf antarabangsa.

Sandiwara radio:

## TANAH WARIS

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul TANAH WARIS, tulisan Noordin Ismail, Sipitang, Sabah.

Tanah warisan jika dipergunakan dengan cara yang berfaedah sudah pasti akan membuahkan kesenangan kepada pemilik warisan tersebut. Tetapi jika sebaliknya pula, ianya boleh menimbulkan persengketaan yang berat di kalangan keluarga itu sendiri.

Dalam karya Noordin Ismail ini, beliau telah menampakkan bagaimana empat orang adaik-beradik mulai berpecah disebabkan ingin hendak memiliki tanah warisan peninggalan arwah ayah mereka.

Borhan sebagai anak sulung dalam keluarga itu, tidak begitu mengindahkan akan hak bersama mereka untuk memiliki tanah tersebut. Ia lebih mementingkan perasaan peribadinya dan berniat untuk menjual saja tanah tersebut.

Keputusannya itu berdasarkan pengorbanannya selama ini membayar cukai tanah dan membayar upah bagi membersihkan tanah tersebut. Baginya, tanggungjawab yang dipikulnya sendiri ini adalah perbuatan yang merugikan.

Perpecahan mereka adik-beradik itu membuat ibu mereka menjadi runsing. Ekoran dari itu, ia telah jatuh sakit. Dalam keadaannya begitu hanya adiknya Bidin sahaja yang setia berada di sisinya.

Apakah kisah selanjutnya? Jangan ketinggalan untuk mengikuti siarannya nanti pada 26 Oktober, 1986 jam 11.30 pagi.

Sandiwara Radio minggu ini diterbitkan oleh Jamilah Abdullah.

## Pertandingan Bintang Kecil 1987

RADIO Televisyen Brunei akan menganjurkan Pertandingan Bintang Kecil 1987 kali ke-10.

Pertandingan akhir dijangka akan diadakan awal bulan Mac 1987. Sementara pertandingan awal (Daerah) akan diadakan pada awal bulan Disember 1986.

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat kanak-kanak di bidang senisuara, dan terbuka kepada semua kanak-kanak warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur dari 6 tahun hingga 12 tahun sehingga pertandingan akhir.

Borang-borang penyertaan dan keterangan lanjut bagi Daerah Brunei-Muara boleh didapati daripada Penyambut Tetamu, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan. Bagi Daerah Belait, di Studio Radio Brunei, Kuala Belait. Bagi Daerah Tutong, di Pejabat Penerangan, Tutong dan Daerah Temburong, di Pejabat Penerangan, Temburong.

Tarikh tutup menerima borang penyertaan ialah pada 15 November, 1986.

## Tetamu Radio

MINGGU ini rancangan TETAMU RADIO memuatkan perbualan Md Daud Metarsad bersama YUSNI JAAFAR dari Malaysia.

Ikutilah rancangan ini pada hari AHAD 26 Oktober jam 4.30 petang. (Gambar bawah).



## Pertandingan Talentime '86

SERAMAI tujuh orang peserta lagi akan mendendangkan lagu-lagu yang telah membawa kejayaan kepada mereka untuk memasuki peringkat separuh akhir pada 26 Oktober ini.

Mereka ialah Dk Seri Puspita Pg Mat Jair, Abdul Rahman Md Tahir, Suerina Adenan, Ak Hamdani Pg Mat Jair, Siti Azizah Haji Bagol, Hubert Yong Pit Khiong dan Dk Suhani Pg Dato Abidin.

Rancangan ini akan disiarkan melalui Perkhidmatan Inggeris, RTB mulai jam 11.00 pagi, dan akan diulang siarannya pada hari yang sama jam 8.00 malam.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 22 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ELECTRIC COMPANY
5.00 WILD SOUTH: "The Firstborn"
Filem rencana ini diambil di sebuah pulau, sebuah perkampungan sarang-sarang burung yang terpencil di sebelah barat-daya pantai New Zealand. Ia mengisahkan tentang kehidupan tiga bulan yang awal bagi anak-anak anjing laut.
5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 SILVER SPOON
6.05 AZAN MAGHRIB
6.11 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.21 SILVER SPOON — sambungan
6.30 TAHUKAH AWDA

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AZAN ISYAK
7.19 SHADOW CHASERS: "Cora's Stranger"
Jonathan dan Benny melakukan kajian ke atas sebuah fenomena saintifik dalam hutan Minnesota yang melibatkan meteor atau UFO dan terserempak dengan seorang wanita berusia 70 tahun yang sudah mengandung selama 46 tahun.
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 ADUNIKA
9.50 THE BENNY HILL SHOW
10.15 1986 POT BLACK
11.05 DYNASTY: "The Accident"
Apabila Joel memintasi Krystle dan Sammy Jo di Delta Rho, Krystle pura-pura menjadi Rita dan melarikan diri. Dengan tergesa-gesa dia pergi ke hospital, dia akhirnya bertemu kembali dengan Blake. Mereka berdua telah menerima sambutan baik apabila mereka kembali ke rumah, tetapi Krystle sentiasa diburu dengan mimpi-mimpi yang menakutkan mengenai Joel.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 23 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE JETSON: "Fugitive Fleas"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI BERCERITA: "Burung Gagak Dengan Burung Camar" (ulangan)
6.04 AZAN MAGHRIB
6.10 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.20 THE ART CHEST: "Your Very Own Mail Box"
6.30 BERENSTAIN BEARS

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AZAN ISYAK
7.19 THE FALL GUY: "King Of The Stuntmen"
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 MAGNUM "Mad Dogs And Englishmen"
Magnum memutuskan untuk menyiasat misteri yang menyelubungi pemergian Higgins dengan cara tiba-tiba dari tempat Robin.
10.40 CHECK IT OUT: "No Cause For Alarm"
Mob kini berada di tengah-tengah "Swiss Week", tetapi Bannister mempunyai rancangan sendiri untuk mengembara dia hendak pergi untuk temuduga bagi mendapatkan kerja di Excelsior Hotel di Venice, Italy.
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "The Hunter"
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 24 OKTOBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.48 HIDAYAT — sambungan
12.55 MUTIARA
1.25 THE LITTLES: "Tut The Second"
1.50 ITALIAN SOCCER

**PETANG**

2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.05 A WHOLE WORLD OF CHILDREN
3.25 AZAN ASAR
3.28 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan
3.35 AL KISAH: "Monyet Yang Pertama"
4.00 BENSON: "Two Boys And Their Dogs"
4.25 SUPER SPACE THEATRE: "Countdown To Disaster" Bhg. I
5.10 ILLUSIONS
5.35 EDIOSN TWINS: "The Live One"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 EDISON TWINS — sambungan
6.04 AZAN MAGHRIB
6.10 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.20 HEATHCLIFF
6.40 SPOOKY: "Exorcism Of Amy"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.14 AZAN ISYAK
7.18 TRAPPER JOHN M.D. "Fall Of The Wild"
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DRAMA TEMPATAN: "Ragam" Bhg. III
9.50 ROBBERY UNDER ARM (Episod terakhir)
10.40 DALLAS: "Missing"
Perjalanan J.R. ke Columbia untuk meyakinkan bahawa hubungannya dengan Matt tetap menjadi rahsia dan mengupah Rueda untuk mencari Pam, sementara Cliff dan Mark datang dan menyalahkan Matt atas kehilangan Pam.
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 25 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE LAST FRONTIER (Siri baru)
Sebuah filem rencana yang mengandungi 23 episod ini begitu mengkagumkan dan mengandungi pengajaran yang memaparkan ekspidisi ahli-ahli Yayasan Kajian Laut semasa mereka mengembara merata-rata dunia dan menjelajahi kehidupan yang indah di dasar laut.
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
5.55 FAMILY TIES
6.04 AZAN MAGHRIB
6.10 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.20 FAMILY TIES — sambungan
6.30 THUNDERCATS: "Monger"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.14 AZAN ISYAK
7.18 THE EQUALIZER:
Episod pengenalan ini memaparkan tentang kisah Edward Woodward memegang peranan sebagai Robert McCall, seorang bekas agen Kerajaan yang telah bersara dan sekarang mengusahakan pekerjaannya sendiri iaitu memberikan perkhidmatan keselamatan persendirian.
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 BINTANG ASLIRAMA 1986 — PERINGKAT SEPARUH AKHIR No. 3.
10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.35 FALCON CREST: "Check Mate"
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 26 OKTOBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.07 AZAN ZUHUR
12.10 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL: ON THE ROAD
1.05 TAYANGAN GAMBAR: "The Great Northfield Minnesota Raid"
Oleh kerana gagal mendapatkan pengampunan dari Dewan Senat Missouri apabila Tuan Speaker yang dirasuah sama sekali tidak memperkenankan pengampunan tersebut, Cole Younger (Cliff Robertson), Jesse James (Robert Duvall) dan ahli-ahli kumpulan Cole yang curiga memutuskan untuk merompak sebuah bank yang terbesar di Northfield, Minnesota.

**PETANG**

2.35 CHALLENGE OF THE GOBOTS: "A New Suit For Leader"
3.00 SHE-RA PRINCESS OF POWER
3.25 AZAN ASAR
3.28 DRAMA TEMPATAN: "Ragam" Bhg. III (ulangan)
4.15 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
5.05 1984 WORLD GAMES FOR DISABLED
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 PERSPECTIVE: "Forensic Science"
6.04 AZAN MAGHRIB
6.10 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.20 PERSPECTIVE — sambungan
6.30 DIFFERENT STROKES: "Cheers To Arnold"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.14 AZAN ISYAK
7.18 SIMON AND SIMON: "Eye Of The Beholder"
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 SUDUT ASIA
9.20 MARI MEMASAK: "Opor Ayam" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di bawah kiri di muka surat ini)
9.45 BINTANG ASLIRAMA 1986 — PERINGKAT SEPARUH AKHIR No. 4.
10.30 THE SILK ROAD: "Where Horses Fly Like The Wind"
11.20 ON WINGS OF EAGLES
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 27 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ADVENTURES OF THE GUMNI BEARS: "The New Beginning"
4.55 DOKUMENTARI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DOUBLE TROUBLE: "First Day"
6.03 AZAN MAGHRIB
6.09 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.19 DOUBLE TROUBLE — sambungan
6.35 KUIZ RIA

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.14 AZAN ISYAK
7.18 THE A TEAM: "Heart Of Rock N Roll"
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 BELIA
9.40 GIVE US A CLUE
10.05 DOCUMENTARY: 'AIDS — A Strange And Deadly Virus"
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "The Don Is Dead"
12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 28 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KIDS FROM 47A: "The Final Deman"
4.55 WEBSTER
5.20 MICKEY AND DONALD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI MEMASAK: "Opor Ayam" (ulangan)
6.03 AZAN MAGHRIB
6.09 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.19 MARI MEMASAK — sambungan
6.30 THE ELEVENTH HOUR: "Lakes"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.14 AZAN ISYAK
7.17 AIRWOLF: "Hawke's Run"
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 RENCANA TEMPATAN
9.15 ARENA SUKAN
10.15 FULL HOUSE: "And Mother Came Too"
10.40 THE COLBYS: "Thursday's Child"
11.30 SIARAN TAMAT.

## Mari Memasak: OPOR AYAM

**BAHAN-BAHANNYA:**

1 ekor ayam
1½ cawan minyak sapi atau minyak jagung
3 camca besar jintan putih
1½ camca besar jintan manis
15 batang lada kering
1 camca teh lada hitam atau lada sulah
10 kuntum bunga cengkih
2 inci kayu manis
10 biji buah pelaga
1 biji buah pala
2 inci halia
2 batang serai
2 inci lengkuas
8 biji buah keras
10 biji bawang merah
8 biji bawang putih
2 biji bawang besar
½ cawan badam digoreng
6 biji buah belimbing kalau suka
1 buku asam jawa
3 camca besar kerisik
1 mangkuk santan cair
Sedikit gula dan garam.

**CARA-CARA MEMBUATNYA:**

Ayam dibersihkan dan dipotong empat. Lada kering, ketumbar, jintan putih, jintan manis, buah pelaga, bunga cengkih, buah pala, kayu manis semuanya digoreng tanpa minyak. Apabila sudah sejuk, barulah digiling atau dikisar bersama bawang merah, bawang putih. lengkuas dan halia. Kemudian digaul dengan kerisik. Kemudian tumislah bawang yang dihiris sehingga kuning dan masukkan rempah, apabila rempah itu garing dan wangi, masukkan ayam lalu kacau dan masukkan santan dan air asam.

Apabila ayam sudah separuh empuk masukkan belimbing, gula dan garam. Biarkan ia mendidih sehingga terbit minyak dan pekat barulah masukkan badam yang digoreng tadi.





YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin serta be…
dinaikkan (atas kanan). Sementara gambar atas rombongan kebudaya…





YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin Menteri Undang-Undang, merangkap Menteri Perhubungan telah menjadi wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sambutan Hari Kebangsaan Brunei Darussalam di Ekspo '86 di Vancouver yang diadakan pada 29 September.

GAMBAR atas sekali kelihatan Yang Amat Mulia dialu-alukan dan dijunjung oleh Pg. Hasim bin Pg. Haji Jadid ketika berangkat melawat Balai Pameran Brunei Darussalam. Sementara gambar atas kelihatan Yang Amat Mulia diperkenalkan kepada rombongan kebudayaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan oleh Awang Sumadi bin Sukaimi

Sementara gambar kiri kelihatan Yang Amat Mulia menyaksikan salah satu koleksi pameran di Balai Pameran negara kita di Ekspo '86.





YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin meneliti salah sebuah buku risalah di Balai Pameran kita (gambar kiri). Sementara gambar atas kelihatan atendan Balai Pameran kita mengcap bilangan kad pelawat.

LAPORAN ZAINAL TINGGAL
GAMBAR OLEH HARUN RASHID

**PADA 29 haribulan September lalu, Negara Brunei Darussalam telah diberikan penghargaan untuk meraikan Hari Kebangsaan balai pamerannya di Expo 86, di Vancouver, Kanada. Hari Kebangsaan ini adalah tradisi bagi setiap Exposisi Antarabangsa sebagai menghormati penyertaan negara-negara yang mengambil bahagian.**

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin berangkat tiba di Vancouver, Kanada pada 28 haribulan September dan di alu-alukan di lapangan terbang oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Ahmad bin Dato Md. Noor, Timbalan Pengarah Muzium Muzium Brunei, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Jadid, Tuan David Dunlop, Pengarah Lawatan Hari Kebangsaan Expo 86 dan Tuan McPherson, Pegawai Lawatan Rasmi di Kementerian Perhubungan Antara Kerajaan, Wilayah British Columbia.

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Expo 86 bermula dengan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin membuat lawatan selama kira-kira 45 minit ke Balai Pameran Negara Brunei Darussalam. Di lawatan tersebut Yang Amat Mulia telah diberikan taklimat tentang bahan-bahan pameran serta perkembangan-perkembangan di balai pameran tersebut oleh Pengurus B… Ismail bin Pengiran Ibrahim.

PENGHAR…

Acara rasmi diadakan di Plaza … yang dikhususkan oleh Expo 86 … sambutan rasmi. Upacara dimula… Negara Brunei Darussalam samb… dinaikkan penuh tiang sebagai … ini dan kemudiannya diturunkan … penghormatan terhadap mangk… Omar Ali Saifuddien Saadul Kh… tafakur selama satu minit seb… Negara Brunei Darussalam dala… dengan persembahan lagu keban…

Dalam ucapan alu-aluannya … Tuan Patrick Reid telah … penghargaan kepada Negara … menyertai Expo 86.

Ini juga telah disuafakan oleh … Gardom, Menteri Perhubungan … British Columbia, Tuan Garde… tentang perhubungan yang sedi… Darussalam dengan Kanada …






... tegak ketika bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam ... dan Sukan ketika membuat persembahan di Plaza of Nations.

# Sambutan Hari Kebangsaan ...unei Darussalam di Ekspo '86 di Vancouver








YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin ketika menandatangani buku pelawat selepas melawat pavillion Kanada (kiri sekali) dan menerima cenderamata (kiri).

PERMAINAN tradisi negara silat telah menarik minat penonton-penonton yang menyaksikan persembahan kebudayaan di Plaza of Nations (atas). Sementara gambar bawah memperlihatkan ribuan penonton yang menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan negara kita di Ekspo 86 di Vancouver.

British Columbia. Mewakili Kerajaan Kanada dan rakyat British Columbia beliau mengalu-alukan rombongan pelawat dari Negara Brunei Darussalam itu.

**PERHATIAN**

Dalam ucapan balasnya Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja antara lain bersabda, bahawa Negara Brunei Darussalam memberikan perhatian berat terhadap penyertaannya di Expo 86 kerana ianya mempunyai pengertian yang besar terhadap negara ini. Yang Amat Mulia itu juga mengucapkan penghargaan terhadap sambutan yang diberikan oleh rakyat Vancouver ke atas rombongan Yang Amat Mulia.

Di sebelah petangnya Yang Amat Mulia telah membuat kunjungan singkat ke balai pameran Kanada yang terletak tidak jauh dari kawasan utama Expo.

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Expo 86 di Vancouver berakhir dengan satu majlis jamuan makan malam di sebuah hotel terkemuka di bandar raya itu. Lebih tujuh ratus orang telah hadir yang mana kebanyakkan dari mereka adalah bekas penduduk Brunei yang kini bermastautin di Kanada, khususnya Vancouver. Pertemuan tersebut memberikan peluang kepada mereka untuk beramah-mesra dengan rombongan pelawat rasmi dari Negara Brunei Darussalam.



# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) KURATOR AKIOLOGI:

(Bilangan Kod: 068 19–140)

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

ATAU

B. 3 — $3880-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Akiologi, Antropologi, Sosiologi atau Sejarah Sarjana Muda Sains dalam Geologi atau yang sebanding dengannya.

b) Berpengalaman dalam merancang dan melakukan kerja-kerja penggalian di kawasan-kawasan purbakala; melakukan kerja-kerja penyelamatan ke atas tinggalan-tinggalan purbakala.

c) Berkebolehan dalam melakukan kerja-kerja penyelidikan, penganalisaan dan penafsiran ke atas tinggalan-tinggalan purbakala serta mahir dalam karang mengarang dan menulis laporan-laporan yang berkenaan dengan kerja-kerja Akiologi.

d) Cenderung dalam melakukan kerja-kerja luar di mana sahaja, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar tanpa mengira waktu-waktu.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab**

Bertanggungjawab kepada Pengarah Muzium-Muzium dalam Pentadbiran, pengawalan, perancangan dan pelaksanan kerja termasuklah kerja-kerja penyelidikan, penggalian dan penyelamatan ke atas tinggalan-tinggalan purbakala di seluruh negeri. Ianya juga bertanggungjawab dalam mengumpul dan menyediakan data-data yang berhubung dengan akiologi negeri ini bagi faedah perekodan, pengkajian, pengenalisaan, penafsiran dan penyusunan semula sejarah negeri ini. Dengan itu berkewajipan menulis bagi diterbitkan segala laporan tentang apa jua mengenai kerja-kerja akiologi yang telah dilakukan.

2) PEGAWAI PINJAMAN DAN AKAUN:

(Bilangan Kod: 012 11–018)

(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji:** B. 2 — $2270-$3760 sebulan.

ATAU

B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Ijazah Sarjana Muda dalam salah satu bidang pengajian yang berkaitan seperti berikut atau yang sebanding dengannya:—

i) Pengurusan Perakaunan (Management Accounting)
ii) Ekonomi
iii) Perakaunan.
iv) Pentadbiran Awam
v) Pengurus Perniagaan.

ATAU

b) i) Higher National Diploma (HND) dalam Pentadbiran Akaun/Pengurusan Perniagaan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman bekerja dengan kerajaan atau firma swasta dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi, kewangan dan pengurusan perniagaan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi, kewangan atau pengurusan perniagaan tidak kurang dari 10 tahun.

ATAU

d) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Pegawai Kerajaan dalam Bahagian III (sukatan gaji C. 3) tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

iii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

iv) Berpengalaman kerja dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi atau pengurusan perniagaan.

e) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

3) PEGAWAI PENERANGAN:

(Bilangan Kod: 009 15–902)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** B. 2 — $2270-$3760 sebulan.

ATAU

B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Ijazah Sarjana Muda Kewartawanan/Komunikasi Masa atau kelulusan dan bidang yang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Higher National Diploma (HND) dalam Perhubungan Awam / Kewartawanan / Komunikasi atau kelulusan dan bidang yang berkaitan yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam bidang kerjaya Penerangan, Suratkhabar, Hal-ehwal Semasa atau Perhubungan Awam sama ada di jabatan-jabatan Kerajaan atau swasta tidak kurang dari lima tahun.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhdimat dengan Kerajaan di Bahagian III dalam jawatan yang berkaitan dengan penerangan tidak kurang dari 8 tahun.

ii) Berpengalaman yang luas dalam bidang Penerangan, Perhubungan Awam, Suratkhabar atau Berita dan Hal-ehwal Semasa.

iii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

**Tugas-tugas:**

Pegawai Penerangan akan bertanggungjawab memberikan penerangan-penerangan mengenai dasar dan maklumat berhubung dengan rancangan-rancangan Kerajaan pada umumnya dan pada khususnya memikul tanggungjawab sedemikian itu menerusi media yang dia ditempatkan dalam menjalankan tugasnya hendaklah mempunyai inisiatif sendiri di samping usaha sama dan bekerja secara berpasukan.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Disember, 1986.

( E/1901/83 )

Bilangan Pendaftaran: 131/1986.

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. ATENDAN PERPUSTAKAAN:

(Bilangan Kod: 056 19 — 122)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu).

c) Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Memproses buku: Melekat poket, label tarikh pemulangan. cap milik, lettering nombor kelas dan membaiki buku.

b) Bertugas di kaunter: Menerima ahli, meminjamkan buku, membatalkan peminjaman, membuat dan mengeluarkan peringatan.

c) Menyemak dan menyediakan buku-buku rosak untuk dijilid.

d) Aktiviti perpustakaan termasuk pameran.

e) Bertugas di perpustakaan bergerak dan perpustakaan-perpustakaan cawangan.

f) Membersihkan rak buku.

g) Menyusun dan shelf-reading buku.

2. PEMANDU/MEKANIK MOTOR SANKUT TINGKAT KHAS:

(Bilangan Kod: 056 98 — 161)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Umur di antara 18 hingga 40 tahun.

b) Berpengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut dan biasa hilir mudik di sungai-sungai Brunei.

c) Pandai membaca dan menulis serta berkebolehan sedikit sebanyak dalam urusan membaiki kerosakan.

d) Mempunyai surat akuan bekerja sebagai Mekanik Motor Sangkut akan diberi keutamaan.

3. KAKITANGAN PENTAS:

(Bilangan Kod: 009 17 — 333)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Umur antara 20 hingga 40 tahun.

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

c) Mempunyai Sijil Pertukangan Kayu atau yang sebanding dengannya akan diberi keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Tugas-tugas jawatan ini termasuklah menyediakan alat-alat kelengkapan pemandangan (set-set) untuk Studio ataupun tempat-tempat rakaman luar dan penggambaran perfileman dijalankan. Tugas-tugas lain termasuk menyimpan dan membuka set-set dan membuat tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa. Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertanggungjawab kepada Scenic Master, Bahagian Rancangan-Rancangan.

4. TUKANG CAT (LAUT):

(Bilangan Kod: 059 93 — 130)

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berpengalaman dan berkemahiran dalam kerja-kerja mengecat (spray printing) tidak kurang dari 2 tahun.

b) Umur di antara 20 hingga 45 tahun.

c) Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi merupakan kelebihan.

5. TUKANG SENJATA:

(Bilangan Kod: 059 83 — 920)

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)

**Tanggagaji:** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman di bidang pemeliharaan senjata-senjata ringan seperti M16 Rifle, Colt Commando Rifle, Sterling Sub-Machine Gun, Browning Pistol 9mm, Pyrotechnics dan lain-lain tidak kurang dari 2 tahun.

b) Boleh membaca dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

c) Keutamaan akan diberi kepada Bekas Perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah bersara dan berpengalaman dalam pekerjaan tersebut.

6. PENJUAL TIKET:

(Bilangan Kod: 036 49 — 091)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Terdiri dari wanita yang berumur di antara 17 hingga 25 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Dikehendaki bertugas di meja penyambut Akuarium Hassanal Bolkiah dan di antara tugas-tugas yang akan dikerjakan ialah menjual tiket, pos kad dan risalah-risalah serta memberi maklumat pada pelawat-pelawat.

7. JURUMEKANIK TINGKAT I:

(Bilangan Kod: 036 84 — 329)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Sijil City & Guilds dalam kejuruteraan letrik atau kenderaan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman mengenai dengan jentera dan pam-pam mekanikal, pemeliharaan pam-pam dan lain-lain alat-alat elektrikal.

b) Pengalaman dan pengetahuan membaiki injin-injin motor sangkut merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Membantu Pembantu Teknik Kanan dalam kerja-kerja menjalankan, menjaga dan membaiki semua alat-alat mekanikal dan elektrik di Jabatan Perikanan.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 6 Disember, 1986.

( Bilangan Pendaftaran: 135/1986 ).

( E/911/72 )

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELIA KERJASAMA:

(Bilangan Kod: 018 21 — 925)

(Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

**Tanggagaji**: D.1-2 EB.3-4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 2 mata pelajaran (termasuk Matematik) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Boleh menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

c) Berpengetahuan asas Ilmu Simpan Kira (Book Keeping) diberi keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab ke atas penyeliaan serta pemeriksaan kira-kira perniagaan syarikat-syarikat kerjasama dalam kawalannya. Selain daripada menyediakan laporan bulanan mengenai kedudukan perniagaan sesebuah syarikat kerjasama, ia mesti juga memberi bimbingan serta tunjuk ajar mengenai perlengkapan buku-buku perniagaan dan pentadbiran syarikat.

2. PELUKIS TINGKAT III:

(Bilangan Kod: 106 16 — 129)

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: D. 2-3 EB. 4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 4 mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Lukisan) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Mata pelajaran Senilukis di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran Brunei.

ii) Berpengalaman yang terbukti dalam bidang senilukis tidak kurang dari satu (1) tahun.

b) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Menyusun Unit Pentas dan Dekorasi.

b) Menyediakan keperluan-keperluan dekorasi yang berkaitan dengannya.

c) Mereka keperluan senireka untuk satu-satu persembahan Kebudayaan yang diperlukan.

d) Menjaga/mengawas keselamatan dan kesempurnaan alatan/perkakas Unit Pentas/Dekorasi.

3. PENOLONG PERPUSTAKAAN FILEM DAN PITA:

(Bilangan Kod: 009 19 — 108)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Mempunyai Sijil Menaip dan boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian V dalam jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Berpengetahuan dalam kerja-kerja Perpustakaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Memberi bantuan kepada Pegawai-Pegawai Perpustakaan dalam apa-apa cara yang diperlukan. Dijangka mempelajari peraturan Perpustakaan Filem dan Pita, membantu dalam penerimaan dan penghantaran filem dan pita, membuat katalog dan dokumentasi. Memeriksa jangka masa filem-filem dan menyediakannya untuk pemancaran. Mana-mana tugas lain yang difikirkan sesuai bagi pemeliharaan dan pengurusan perpustakaan yang teratur oleh Pegawai Perpustakaan Kanan.

4. PENOLONG PENAPIS (FILEM DAN PITA):

(Bilangan Kod: 009 86 290)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) 4 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman bekerja dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannnya.

ii) Berpengalaman bekerja dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari 7 tahun.

b) Pengetahuan profesional dalam operasi-operasi televisyen dan rancangan-rancangan televisyen dan juga sistem bagi pemilihan dan pembelian rancangan-rancangan merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertugas secara langsung dengan Jawatankuasa Penapis Filem RTB, menonton filem-filem pada masa-masa yang dihadkan. Menyediakan senarai harian filem-filem dan pita-pita untuk diteliti dan menyusun serta mengeluarkan laporan harian Jawatankuasa. Melaporkan sebarang aduan Jawatankuasa kepada Bahagian Rancangan-Rancangan. Menolong mengembangkan dan memelihara hubungan-hubungan yang baik di antara Jawatankuasa dan pihak Pengurus RTB.

5. PENTERJEMAH ALIHSUARA DAN SARIKATA:

(Bilangan Kod: 009 19 — 553)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 4 mata pelajaran (termasuk Bahasa Melayu dan Inggeris) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai sijil menaip.

c) Mempunyai minat yang terbukti dalam bidang terjemahan.

**Lain-lain Syarat:**

Lulus ujian kecekapan yang dikendalikan oleh Radio Televisyen Brunei.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Menterjemah dan menyediakan skrip-skrip rancangan TV khusus untuk sarikata dan alihsuara daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu atau sebaliknya.

b) Membantu kerja-kerja penyuntingan skrip-skrip terjemahan jika diperlukan.

6. PEMBANTU TEKNIK:

(Bilangan Kod: 096 03 — 393)

(Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, "Bahagian Keindahan Alam", Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji**: D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 3 mata pelajaran Peringkat biasa dalam mata-mata pelajaran Geografi, Matematik dan Lukisan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Pelatih atau yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Boleh membaca pelan-pelan bangunan.

c) Pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tanaman/perkebunan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 3 Disember, 1986.

(Bilangan Pendaftaran: 134/1986).

(E/804/74)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

### Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap.
   Tingkat 3,
   Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
   Bangunan Jabatan Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas, Negara Brunei Darussalam.
   Tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 29 Oktober, 1986.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong, dan ditujukan kepada:
   Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
   Tingkat Tiga,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan WANG TUNAI pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| UBD/E8/8/86 | Membekal Glassware, apparatus and Equipment untuk Biology Department | $200.00 |
| UBD/E8/9/86 | Membekal dan Memasang 1 Unit Sony Language Audio/Video Projector | $200.00 |
| UBD/E8/10/86 | Membekal 120 buah rak buku dan 220 buah Papan Kenyataan 2½′ x 3′ | $100.00 |

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh
   Pengerusi
   Lembaga Tawaran
   Kementerian Kewangan
   Tingkat 4,
   Jalan James Pearce
   Bandar Seri Begawan
   tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 27 Oktober, 1986 bagi membekal perkara-perkara berikut untuk tempoh selama 2 tahun (1987-1988).

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DMS/AC/13/86 | Membekal dan menghantar FULL-CREAM AND HALF-CREAM MILK POWDER bagi tahun 1987/1988 | $300.00 |
| DMS/AC/14/86 | Membekal dan menghantar VACCINES, ANTITOXINS, ANTIVIRALS AND OTHER BIOLOGICALS bagi tahun 1987/1988 | $300.00 |
| DMS/AC/15/86 | Membekal dan menghantar GENERAL ITEMS (SUNDRIES) bagi tahun 1987/1988 | $200.00 |

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat di atas dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan nama dan bilangan tawaran tanpa menunjukkan identiti pemohon.
4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai dan cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah memberikan tawaran yang jujur (bona-fide tender)
5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## NOTIS TAWARAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menyediakan PAKAIAN SERAGAM (uniform) bagi 55 orang perempuan dan 26 orang lelaki Atendan Luar dan 4 orang Pengawas Letak Kereta di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria.

2. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Tingkat 4. Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 27 Oktober, 1986. Tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut akan ditolak.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup. Di muka sampul surat itu tidaklah boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan nama penawar.

4. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di sampul surat itu dengan perkataannya mestilah 'MENYEDIAKAN PAKAIAN SERAGAM DI PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA.' Tawaran yang diterima dalam sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

5. Mengenai dengan jenis kain pakaian seragam, penawar-penawar bolehlah datang ke Pejabat Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa bekerja sebelum mengemukakan tawaran.

6. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF HIGH CAPACITY DIGITAL SYSTEMS dan TENDER FOR THE SUPPLY OF LOW CAPACITY DIGITAL SYSTEM.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, 15 Disember, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong :—

a. TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF HIGH CAPACITY DIGITAL SYSTEMS.

b. TENDER FOR THE SUPPLY OF LOW CAPACITY DIGITAL SYSTEMS.

Bilangan Tawaran:

JTB/STEE (P)/8/86

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B$1,000.00 (Tidak Dikembalikan) dan B$5,000.00 (Dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAWAI PARIT DAN TALIAIR:
(Bilangan Kod: 004 02–259)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur di antara 30 hingga 50 tahun.
b) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam kejuruteraan parit dan taliair atau pengurusan air atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
c) Pengalaman latihan dalam pengkhususan di bidang kerja-kerja parit dan taliair tidak kurang dari tiga tahun.
d) Berpengalaman dalam rancangan parit dan taliair, terutamanya yang bersangkut paut dengan penanaman padi secara besaran adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Rancangan Rancangan Padi.
b) Boleh menyediakan catatan, dan rekod-rekod tertentu, melakukan pengukuran tanah dan kerja-kerja merata, membaiki dan mengubah suai serta pemeliharaan rancangan.
c) Melakukan pengawasan kakitangan dan perancangan serta susunan pekerja dan pekerjaan mengikut keutamaan.
d) Menjaga keselamatan ke atas alat-alat di bawah jagaannya.

2) JURUTERA PENGAWAS:
(Bilangan Kod: 009 02–391)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)
**Tanggagaji:** B. 3 — $3880-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Elektronik, Komunikasi atau Elektrik atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Jurutera dalam bidang Kejuruteraan Penyiaran tidak kurang dari 5 tahun.
c) Mempunyai kelulusan Profesional seperti MIERE, MIEE atau yang seumpamanya di sebuah Institusi antarabangsa yang diiktiraf merupakan satu kelebihan.
d) Telah menjalani latihan vokesyenal yang bersesuaian dalam peralatan yang mereka kendalikan berserta dengan latihan penyiaran umum di peringkat lanjutan seperti mana yang diberikan di pusat-pusat latihan Pertubuhan-Pertubuhan Penyiaran seberang laut yang besar.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Jurutera Pengawas akan mengetuai bahagian teknikal Radio Televisyen Brunei misalnya: —
Stesen-stesen Pemancar Radio
Stesen-stesen Pemancar TV/FM
Siaran-siaran Luar
Siaran Flem dan Rakaman TV
Studio-studio TV, dan lain-lain.

Jurutera Pengawas adalah bertanggungjawab kepada Jurutera penguasa bagi pengurusan operasi dan pemeliharaan di bahagian di mana dia ditugaskan. Meskipun sebahagian besar tanggungjawab Jurutera Pengawas adalah pentadbiran, dia juga dikehendaki mengambil peranan aktif dalam mengendalikan penerimaan dan pemeriksaan awal perkakas baru, dan pemeliharaan peralatan di bawah kawalannya serta juga latihan kakitangannya. Tahap pemeliharaan, mutu hasil perkhidmatan, penggunaan kakitangan perancangan tenaga kerja dan peralatan adalah juga terkandung dalam tugas-tugasnya.

3) PEGAWAI PELAJARAN KESIHATAN:
(Bilangan Kod: 062 07–985)
(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan,

**Kelayakan :**

a) i) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) Diploma dalam Pendidikan Kesihatan atau kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja Pendidikan Kesihatan tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Merinyu Kesihatan/Merinyu Kesihatan Kanan tidak kurang dari lima tahun.
ii) Telah ditetapkan dalam jawatan.
iii) Mempunyai Diploma dalam Pendidikan Kesihatan adalah diutamakan.

b) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di Unit Pendidikan Kesihatan di bawah arahan Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan.

a) Dikehendaki menyusun dan menyelaras semua kegiatan Pendidikan Kesihatan di seluruh negara di bawah bimbingan dan pengawasan Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan dengan dibantu oleh Pegawai Perubatan Daerah.
b) Bertanggungjawab untuk menganjurkan Minggu Kesihatan Kebangsaan dan lain-lain kempen yang berhubung dengan Pendidikan Kesihatan dan Kesihatan Sedunia.
c) Dikehendaki membantu unit latihan dalam menjalankan kursus-kursus permulaan jangka pendek, bengkel dan seminar.
d) Bertanggungjawab bagi latihan dan mengerahkan semua kakitangan Pendidikan Kesihatan dalam Penjagaan Utama Kesihatan dalam pendekatan untuk perlaksanaan Rancangan Pendidikan Kesihatan.
e) Bertanggungjawab bagi latihan pekerja-pekerja luar kesihatan di dalam masyarakat.
f) Dikehendaki menjalankan kelas-kelas pembelajaran secara tetap di Institiut Teknologi Brunei untuk guru-guru pelatih. Dikehendaki menjalankan sebuah pusat di mana nasihat, alat pandang, alat kelengkapan dan bahan-bahan sedia terdapat, dan sebuah bengkel untuk penghasilan poster, risalah dan lain-lain bahan Pendidikan Kesihatan secara terusmenerus.
g) Akan dikehendaki mengeluarkan risalah mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kesihatan.
h) Lain-lain tugas seperti diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan.

4) PEGAWAI HAIWAN: (Bilangan Kod: 004 06–511)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Ijazah dalam veterinary atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya yang diiktiraf.
b) Post Graduate dalam Tropical Veterinary Medicine, Animal Health atau Animal Husbandry/Meat inspection adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Menjaga kesihatan binatang dan kerja-kerja pengawalan penyakit. Pengawalan penyakit yang melarat dan berjangkit bagi semua jenis ternakan. Pencegahan dan pengubatan bagi semua jenis ternakan.
b) Pengesahan terakhir dari pemeriksaan contoh (specimen) di Makmal Diagnostik Haiwan.
c) Pengawasan profesional terhadap pemeriksa-pemeriksa daging yang menjalankan kerja-kerja pemeriksaan daging di Pusat Penyembelihan.
d) Pengawasan dan pentadbiran kakitangan Haiwan dan tugas-tugas mereka.

5) JURUEKOPERTANIAN:
(Bilangan Kod: 004 05–320)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Umur di antara 25 tahun hingga 50 tahun.
b) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (dalam jurusan Agronomi) atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
c) Berpengalaman dalam penyelidikan padi tidak kurang dari 3 tahun.
d) Mempunyai Ijazah Sarjana (M.Sc) atau Doktor Falsafah (Ph. D) Penyelidikan dalam jurusan padi bahagian Agronomi Permakanan (Nutrition) adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Unit semasa ketiadaannya jika diarahkan.
b) Menjalankan penyelidikan mengenai "Agronomic and Nutritional Aspects of Rice" bagi jenis-jenis tempatan dan jenis-jenis yang didatangkan dari luar negeri.
c) Bertanggungjawab untuk memberi bimbingan atau kursus-kursus kepada pegawai-pegawai rendah, jika diarahkan.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain raripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk kanak-kanak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 29 November, 1986.

( E/882/85 )

Bilangan Pendaftaran: 129/1986

---

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGAWAS KENDERAAN:
( Bilangan Kod: 030 70 — 095 ).
( Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan ).
**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Higher National Diploma (HNC)/BEC atau Higher Certificate in Automobile Motor Vehicle Engineering Management atau kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam kerjaya yang berkaitan dengan kenderaan tidak kurang dari 8 tahun.
ii) City and Guilds yang bersesuaian.
iii) Berkebolehan memperbaiki kenderaan.

**Lain-lain Syarat :**

Pemohon-pemohon yang terpilih akan diuji secara teori dan praktik.

**Tugas :**

a) Mengawal secara keseluruhan bengkel pusat.
b) Mengawal serta bertanggungjawab bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pemeliharaan dan membaiki kenderaan.
c) Bertanggungjawab ke atas keselamatan kakitangan di bawah jagaannya, keselamatan kerja dan alat-alat mesin.

2. JURUTEKNIK MAKMAL KANAN:

A. ( Di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bilangan Kod: 028 03 — 692/09 ).

B. ( Di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bilangan Kod: 028 03 — 692 ).

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) BTEC OND/ONC in Medical Laboratory Science atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
ii) Mempunyai pengalaman sabagai Juruteknik Makmal.
iii) Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Juruteknik Makmal Terlatih.
ii) 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
iii) Pernah mengikuti skim latihan untuk Juruteknik Makmal sama ada di dalam negeri/luar negeri.
iv) Berpengalaman dalam kerja-kerja Juruteknik Makmal tidak kurang dari 5 tahun.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 20 November, 1986.

( E/1716/86 )

( Bilangan Pendaftaran: 123/1986 ).

---

### NOTIS TAWARAN
### MENCETAK BUKU-BUKU DBP
### BIL.: (3) 1986

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1 Penentuan-penentuan (specification) mengenai buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, pada masa-masa bekerja.
2 Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (3) 1986.
3 Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran
d/a Bangunan Kementerian Kewangan
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam
tidak lewat pada jam [illegible] tengah hari, hari [illegible] [illegible] Oktober, 1986.
4 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG PENGARANG

(Bilangan Kod: 041 15–123)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: D. 4 EB. 5 — $1225-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran (termasuk Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu) atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ii) Mempunyai pengalaman dalam penulisan Sejarah, Adat Istiadat dan Kebudayaan Negara Brunei Darussalam tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

i) Empat mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk Bahasa Melayu dan Kesusasteraan atau yang sebanding dengannya.
ii) Mempunyai pengalaman penulisan Sejarah, Adat Istiadat dan Kebudayaan Negara Brunei Darussalam tidak kurang dari lima tahun.

b) Pengalaman bekerja dalam karang mengarang atau penyemakan atau yang seumpama dengannya tidak kurang dari dua tahun.
c) Berbakat dalam karang mengarang dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.
d) Dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris.
e) Berpengetahuan yang luas dalam hal-ehwal Sejarah, Adat Istiadat dan Kebudayaan Negara Brunei Darussalam.
f) Boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

1) Menulis atau mengarang makalah atau manuskrip untuk diterbitkan sebagai buku, jurnal atau majalah.
2) Mengedit atau menyunting manuskrip atau makalah yang telah sedia.
3) Menyelidik untuk menentukan kebenaran faktor atau bahan-bahan makalah atau manuskrip.
4) Membantu Ketua Pengarang, Pengarang Kanan dan Pengarang dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan penerbitan buku, jurnal, majalah atau risalah.

2) PENOLONG JURUKAMERA PERFILEMAN:

(Bilangan Kod: 009 16–373)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Boleh menunjukkan pengetahuan amali tentang Fotografi, Cinematogerafi atau Camera Video.

ATAU

b) Berpengalaman amali yang bersesuaian dalam jawatan Pelatih Teknik atau yang sebanding dengannya di Unit Perfileman Perbadanan Radio dan Televisyen sekurang-kurang empat tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

1) Bertanggungjawab kepada Jurukamera Perfileman dalam setiap aspek tugasnya dan memainkan peranan khusus dalam pemasangan lampu di lokasi-lokasi.
2) Penolong Jurukamera Perfileman juga diminta menjalankan tugas-tugas Jurukamera Perfileman bagi menambahkan pengalamannya.
3) Apabila mendapat pengalaman yang diperlukan ia boleh diberikan tugas-tugas untuk dikendalikan sendiri.

3) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:

(Di Kementerian Kewangan)

(Bilangan Kod: 102 39–142)

**Tanggagaji**: D. 2 EB. 3-4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

b) Berpengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.
c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

4) KADET (Bilangan Kod: 060 04–322)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

**Tanggagaji**: D. 2 — $650-$820 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur di antara 18 hingga 23 tahun.
b) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya yang termasuk mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Inggeris dan salah satu mata pelajaran Sains Gunaan (Applied Science).
c) Mestilah pandai berenang sekurang-kurangnya dalam jarak sejauh 80 meter.
d) Mestilah layak dari segi kesihatan untuk mengikut perkhidmatan-perkhidmatan di laut dan lulus ujian penglihatan.
e) Berminat dalam kerja-kerja perkapa'an dan laut.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Pegawai kadet tidaklah mempunyai tugas-tugas khas semasa dalam perkhidmatan, tetapi akan dihantar keluar negeri untuk mengikuti kursus/latihan untuk mendapatkan kelulusan sebagai Master Foreign Going Ship atau 1st Class Engineer (Steam and Motor), di sebuah institusi atau politeknik yang diaturkan.

5) PEMBANTU PAMERAN

(Bilangan Kod: 041 16–233)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: D. 4-5 EB. 6 — $1225-$1785 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Sijil dalam Rekabentuk Grafik atau City and Guilds in Carpentry/Interior Design atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Lulus mata pelajaran Lukisan dan Sejarah di Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja pameran atau lukisan tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

c) i) Lulus mata pelajaran Lukisan dan Sejarah di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengetahuan dalam kerja-kerja pameran atau lukisan tidak kurang dari 5 tahun

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

1) Melaksanakan kerja-kerja pameran yang diaturkan pada bila-bila masa dikehendaki.
2) Bertanggungjawab kepada Pegawai Penghias Pameran dan Penolongnya bagi membantu mengurus dan menyediakan kelengkapan serta susunan bahan-bahan pameran yang akan dibuat.
c) Sebagai tugas-tugas harian, dikehendaki mengawas dan mensesuaikan pembaharuan serta pemeliharaan keadaan bahan-bahan pameran dari semasa ke semasa.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 29 November, 1986.

( E/1853/82)

Bilangan Pendaftaran: 122/1986.

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGAWAL POS :

( Bilangan Kod : 074 35 — 212 ).

( Di Jabatan Pos, Kementerian Perhubungan ).

**Tanggagaji :** B. 2 — $2270-$3760 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian dari Universiti atau Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf.

ATAU

b) i) (HND) Higher National Diploma/BTEC Higher Diploma dalam Pentadbiran. Perakaunan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Penguasa Pos tidak kurang dari 5 tahun.
ii) Pernah berkursus dalam Pengurusan Pos (Postal Management) di luar negeri.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab.**

Ditugaskan sebagai Pegawai Penyelia dan Pembantu Kanan kepada Timbalan atau Penolong Ketua Pos Agung dalam mentadbir dan mengendali kerja-kerja di salah satu cawangan seperti Kewangan, Pentadbiran. Operasi dan Filatelik.

2. PEGAWAI TANAH :

( Bilangan Kod : 052 20 — 502 ).

( Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan ).

**Tanggagaji :** B.2 atau B.2 EB. 3 — $2270-$3760 atau $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Estet, Pentadbiran Tanah, Undang-Undang atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Higher National Diploma (HND) atau BEC Higher Diploma dalam Estet Management, Land Administration. Undang-Undang, Ekonomik/Statistik / Matematik atau Bussiness Studies atau kelulusan dan bidang yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun dalam Bahagian III.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Tanah tidak kurang dari 5 tahun.
ii) Telah ditetapkan dalam jawatan.
iii) Mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.

d) Pengetahuan yang baik dalam bidang Pentadbiran Tanah dan Undang-Undang Tanah adalah diutamakan.

3. PEGAWAI PEMBELIAN TINGKAT I :

( Bilangan Kod : 059 42 — 232 ).

( Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan ).

**Tanggagaji :** B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

Ijazah Sarjana Muda dalam Perdagangan. 'Accounting,' Ekonomi atau bidang yang berkaitan yang sebanding dengannya.

**Lain-lain Syarat**

Mestilah mengetahui Peraturan-Peraturan Kewangan Kerajaan (Financial Regulations).

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Tugas-tugas pegawai ini termasuklah perlaksanaan kerja-kerja yang bersangkut-paut dengan hal-ehwal pembelian bagi keperluan-keperluan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 27 November, 1986.

( E/1477/76 )

( Bilangan Pendaftaran : 126/ 1986 ).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama projek:

Bilangan tawaran: JKP/19/1986

DESILTING AND CLEANING ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURFED AREA AT KAMPONG PERPINDAHAN SERASA, MUARA UNDER TWO YEARS TERM CONTRACT.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 15 hingga Sabtu 25 Oktober, 1986.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas 'B' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (dokumen) + $50.00 (lukisan)

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin 27 Oktober, 1986 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU:

(Bilangan Kod : 000 19 — 536)

**Tanggagaji :** . D. 3 EB.4-5— — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu.

b) Pengetahuan Jawi adalah satu kelebihan.

2. PENTERJEMAH KANAN:

(Bilangan Kod : 000 19 — 531)

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa (termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu).

b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penterjemah tidak kurang dari 5 tahun.

c) Boleh membaca dan menulis Jawi adalah diutamakan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jabatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 November, 1986.

(Bilangan Pendaftaran: 118/1986).

(E/273/62/2)

## JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis-najis (night-soil) sebanyak 123 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 57 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Januari - Jun 1987).

2. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 3 November, 1986. Tawaran yang diterima sesudah tarikh atau waktu ini akan ditolak.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa yang bertutup. Maka di muka sampul surat itu tidak boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama Penawar.

4. Sampul-sampul surat itu mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penuh seperti di fasal 2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait untuk melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan bayaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN
P 4A0060/86

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas 'A' atau 'B' yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan saluran-saluran. Kedudukan kabinet dan menanam 4 saluran pipe.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 November, 1986.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "PUSAT—JALAN KIANGGEH MENAMBAH 4 SALURAN PIPE DAN SALURAN BAGI CADANGAN KABINET 36".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan. Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran $200.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Sabtu 3 November, 1986 di Tingkat Bawah, Telephone House, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR KB 52 TAHUN 1986

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas AX untuk·

PROJEK No.: AD418/1101
CADANGAN KERJA-KERJA PEMULIHAN DI DINDING SUNGAI (RIVER WALL) KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 27 Oktober, 1986.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR KB 57 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK: REPAIR AND REPLACEMENT OF FENCE FOR CLASS 'E' AND CLASS 'F' JALAN BENDAHARI AND JALAN PENGLIMA, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 November, 1986.

Tarikh tutup: 19 November, 1988.

Cagaran tawaran: $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. : PPL/MTB/256/1986**

Tajuk kerja: PENGGANTIAN DAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN ALAT-ALAT PENGATUR HAWA DINGIN DI BLOK 7 & 8 MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986 (hari Rabu).

Cengkeram: $200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/257/1986**

Tajuk kerja: PENGGANTIAN DAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN ALAT-ALAT PENGATUR HAWA DINGIN DI BLOK 2 MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986 (hari Rabu).

Cengkeram: $200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa (Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/258/1986**

Tajuk kerja: PENGGANTIAN DAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN ALAT-ALAT PENGATUR HAWA DINGIN DI BLOK 9 & 10 MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986 (hari Rabu).

Cengkeram: $200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa (Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/259/1986**

Tajuk kerja: PENGGANTIAN DAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN ALAT-ALAT PENGATUR HAWA DINGIN DI BLOK 12 DAN AUDITORIUM MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986 (hari Rabu).

Cengkeram: $200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa (Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/260/1986**

Tajuk kerja: MEMBEKAL AIR COOLED SPLIT CONDENSING UNITS, PUMPS, MOTORS, LAIN-LAIN SPARE PART COMRESSOR UNTUK CHRYSLER UNIT YANG BERSESUAIAN BAGI ALAT-ALAT PENGATUR HAWA DINGIN DI MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986 (hari Rabu).

Cengkeram: $200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa (Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. . PPL/MTB/265/1986**

Tajuk kerja: PENGGANTIAN PUMP AIR DAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN UNIT PENGATUR HAWA DINGIN DI BLOK 1 MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986 (hari Rabu).

Cengkeram: $200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa (Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/196/1986**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 5 November, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

SUPPLY, DELIVERY ON SITE AND TOP-UP FUEL TANK OF DIESEL ENGINE GENERATOR AT KG. MENUNGGOL, BRUNEI FOR A PERIOD OF 12 MONTHS.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebu. adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/279/1986**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK TAMBAHAN STOR BAJA DAN STOR KIMIA UNTUK JABATAN PERTANIAN DI KAMPONG JERUDONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.

Cengkeram: $100.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/280/1986**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN BLOK PENTADBIRAN DI S.R.K. LAMUNIN, TUTONG.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TRADESMAN TINGKAT I

(Bilangan Kod: 098 03 — 955)

(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan**:

a) i) Sijil City & Guilds in Basic Engineering atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Mempunyai pengalaman bekerja dalam Perkhidmatan Kerajaan atau Swasta sebagai Mekanik atau Tradesman tidak kurang dari 3 tahun.

b) Pengalaman praktikal membaiki kenderaan seperti Wheel Loader, Truck dan lain-lain lagi, termasuk mesin-mesin rumput dan motor sangkut merupakan satu kelebihan.

c) Boleh membaca dan faham untuk menyemak nombor barang-barang ganti di dalam buku Manual/Catalogue Spare Parts.

d) Mempunyai lesen memandu Kelas III dan V dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.

2. JURUTEKNIK BILIK GELAP

(Bilangan Kod: 062 07 — 720)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)

**Tanggagaji**: M. 2 — $550-$930 sebulan.

**Kelayakan**:

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau kelulusan yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.

iii) Berpengalaman di bidang pencucian gambar X-Ray atau memproses filem akan diberi keutamaan.

c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab**:

a) Mencuci filem-filem X-Ray, filem ultrasound. MMR dan photo-copying dan menyediakan ubat kimia pencuci filem X-Ray (developing chemicals).

b) Bertanggungjawab ke atas kebersihan semua alat-alat pencuci gambar X-Ray (X-Ray processors) X-Ray Cassettes dan alat-alat photo-copy (photo-copying machines).

3. PEMBERSIH PEJABAT

(Bilangan Kod: 005 55 — 297)

(Di Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji**: F.1-2-3 EB.4 — $445-$650 sebulan.

**Kelayakan**:

a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.

b) Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman sebagai Penjaga/Pembersih.

c) Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

4. TUKANG KAYU TINGKAT II

(Bilangan Kod: 036 95 — 412)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji**: F.3-4 EB. 5— $550-$700 sebulan.

**Kelayakan**:

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.

b) i) Sijil dalam kursus Praktikal Pertukangan Kayu (Carpentary) dari Maktab Teknikal Brunei.

ATAU

ii) Berpengalaman dalam pertukangan kayu sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:—

— Dalam hal-hal pertukangan kayu dan mengetahui jenis-jenis kayu.

— Tahu merancang rangka dan mengadakan lukisan-lukisan bagi kerja-kerja yang diarahkan.

— Boleh menaksirkan perbelanjaan - perbelanjaan yang dikehendaki di atas satu-satu pertukangan tersebut.

— Boleh mengerjakan lukisan yang disediakan.

**Am**:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan**:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonanya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussa'am dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 25 November, 1986.

Bil. Pendaftaran: 128/1986.

(E/589/83)

### PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

TAWARAN KECIL

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Tiga,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

tidak lewat daripada hari Rabu 29 Oktober, 1986 jam 3.00 petang.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan di luar bilik Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| DMS/ 98/86 | Membekal dan Menghantar UNIVERSAL CONTAINERS AND PERIDISHES. |
| DMS/ 99/86 | Membekal, memasang dan komisen ADDITIONAL LOCKING SYSTEM FOR R.I.P.A.S. HOSPITAL |
| DMS/100/86 | Membekal, menghantar dan komisen EQUIPMENT FOR QUALITY CONTROL. |
| DMS/101/86 | Membekal, menghantar dan memasang DENTAL UNITS FOR SCHOOLS. |
| DMS/102/86 | Membekal, menghantar, memasang dan komisen EQUIPMENTS FOR DENTAL LABORATORY. |

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayani.
4. Wang cagaran bagi tiap-tiap satu tawaran ialah $100.00 tunai.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ke alamat di atas dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran serta tarikh penutupan tawaran dengan tidak mendedahkan identiti pemohon.
6. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan-keterangan dapat diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas pada bila-bila waktu bekerja.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

## SEBAGAI PENOLONG PENGAWAL IMIGRESEN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PENGAWAL IMIGRESEN di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 044 20-430)

**Tanggagaji**:

B. 2 — $2270-$3760 sebulan.

ATAU

B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan**:

a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian dari Universiti atau Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf.

ATAU

b) i) Higher National Diploma (HND) dalam pentadbiran Awam atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan di dalam bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Pegawai Imigresen atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab**:

a) Menjalankan kuasa-kuasa yang ditentukan di dalam Akta dan Peraturan-Peraturan Imigresen, 1956.

b) Menjalankan tugas-tugas Pentadbiran di satu-satu bahagian atau cawangan Jabatan Imigresen sebagaimana diaturkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

**Am**:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan**:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jabatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 November, 1986.

Bil. Pendaftaran: 132/1986.

(E355/79)

### KENYATAAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.: 55/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 November 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVERNMENT RICE SHIPMENT FOR THE YEAR 1987.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL.: 56/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 November 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN 1987 — MENGADAKAN KENDERAAN (TRAK) DAN BURUH BAGI MENGANGKUT, MEMUAT, MEMUNGGAH DAN MENYUSUN BARANG-BARANG KEPUNYAAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA UNTUK TEMPOH SETAHUN DARI 1 JANUARI 1987 HINGGA 31 DISEMBER, 1987.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 15 Oktober, 1986.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. LADA BOTOL (Cap Wah Hong) 85 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon No. 6 Jalan McArthur.
2. LAKSA PUTIH (Sailing Boat) 80 sen.
   a) Kedai Eng Leong 8, Jalan McArthur.
   b) Kedai Chop Hock Huat 62 Jalan McArthur.
3. KACANG TANAH — sekati $1.30.
   a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
4. KACANG HIJAU — sekati 80 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.

**SERIA**

1. LADA BOTOL (Cap Wah Hong) 80 sen.
   a) Kedai Koh Seng Hen 17 Jalan Sultan Omarali.
   b) Kedai Choo Heng and Company No. 30 Jalan Sultan Omarali.
2. LAKSA PUTIH (Sailing Boat) 80 sen.
   a) Kedai Chung Fatt 7 Jalan Sultan Omarali.
3. KACANG TANAH — sekati $1.30.
   a) Kedai Poh Shing 6 Jalan Sultan Omarali.
4. KACANG HIJAU — sekati $1.20.
   a) Kedai Chop Siong Yick 54 Jalan Bunga Kuning.
   b) Kedai Sim Fatt Hin 74 Jalan Bunga Kuning.

**KUALA BELAIT**

1. LADA BOTOL (Cap Wah Hong) 75 sen.
   a) Kedai Teo Hiang Hing No. 45 Jalan Pretty.
   b) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
2. LAKSA PUTIH (Sailing Boat) 75 sen.
   a) Kedai Teo Hiang Hing 45 Jalan Pretty.
3. KACANG TANAH — sekati $1.20.
   a) Kedai Tan Boon Heng 33 Jalan Pretty.
4. KACANG HIJAU — sekati $1.00.
   a) Kedai Yick Guan 3 Jalan Pretty.
   b) Kedai Guan Heng 30 Jalan Pretty.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## *TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM*

### BIL: JKR 387 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD506/1801
PEMBINAAN KOMPLEKS SEKOLAH RENDAH BUKIT UDAL DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI KAMPONG BUKIT UDAL, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 27 Oktober, 1986.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 388 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/24000
PEMBINAAN PEMBENTUNG KOTAK JENIS KONKRIT TETULANG DAN LENCUNGAN JALAN DI BATU 2½, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 389 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PTN022
MEMPERBAIKI SUNGAI DALAM KAWASAN TEMPAT PEMELIHARAAN TANAMAN PERTANIAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 390 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD519/4401
KERJA-KERJA [illegible]BETUNGAN BAGI BARIK-BARIK, RUMAH [illegible]MAH KEDIAMAN PEKERJA-PEKERJA, [illegible] DAN PEJABAT DI JALAN KOTA BATU, [illegible]GARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 November, 1986.

Tarikh tutup: 19 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 391 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/1201
KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN PENYIAPAN PEMBENTUNG KOTAK BAGI CADANGAN PENGHUBUNG JALAN DARI ISTANA TETAMU DI JALAN BERAKAS KE JALAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 392 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009112
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR DAN DALAM RUMAH PANGSA LUMUT LUNTING, JALAN MAHARAJA LELA, BATU 1½, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 393 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009139
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA MASJID PUNI, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 394 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009132
MEMBEKAL DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BESI DI SEKOLAH MENENGAH MENGLAIT GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 395 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AR/00600
MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT ELECTRICAL TEST BENCH.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1986.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 396 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD426/2301
PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN KOMPLEKS PENTADBIRAN BANTUAN, PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 1 November, 1986.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 397 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR507/2000
MEMBAIKI JALAN-JALAN RAYA DI KAWASAN KAMPUNG — JALAN MADANG/TILONG, JALAN MANGGIS SATU, JALAN MANGGIS DUA, JALAN SERUSOP DAN JALAN SUNGAI AKAR LAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 398 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/17600
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN PENANAMAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN DI BAWAH PENGGAL KONTRAK UNTUK SATU TAHUN KEPADA JABATAN KERJA RAYA DAERAH BRUNEI–MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 399 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/11201
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU KUARI GRANIT KE PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, BATU 11, JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 400 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AB/25300
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG UJIAN KELENGKAPAN BAGI DALAM DAN LUAR MAKMAL UNTUK MAKMAL TANAH DAN KONKRIT, JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1986.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 401 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009136
MEMBEKAIKI DAN MENCAT SEMULA TAHANAN LAMA BERAKAS (PERKHEMAHAN SERUSOP), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 1 November, 1986.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 402 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN PARIT UNTUK SATU (1) TAHUN DI PERUSAHAAN PADI KERAJAAN WASAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 1 November, 1986.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL.: 11/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, tingkat empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 3 November, 1986 jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½, Jalan Tutong.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan berlak (sealed) dan tanda dengan perkataan "TAWARAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MASNA" tanpa menunjukkan indentiti pemborong.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

4. Kiranya penerangan-penerangan lanjut ingin diperolehi, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan atau Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Brunei dan Muara, bolehlah dihubungi pada bila-bila masa waktu pejabat.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

# PESTA SUKAN JKR BORNEO KALI KE-2 BERLANGSUNG DIS. DEPAN

PESTA Sukan JKR Borneo kali ke-2 dijangka akan diadakan pada bulan Disember depan. Pesta tersebut telah ditunda berikutan — dengan kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Jabatan Kerja Raya Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah pesta tersebut yang mana akan dilangsungkan di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya dengan bertemakan 'Memupuk Persahabatan Melalui Sukan'.

Lebih 200 orang dijangka akan menyertai pesta tersebut yang terdiri daripada Jabatan Kerja Raya ketiga-tiga buah negara iaitu Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam sebagai tuan rumah.

Adalah difahamkan bahawa sukan JKR kali pertama telah diadakan di Kota Kinabalu pada tahun 1981.

Antara acara-acara yang akan dipertandingkan di pesta tersebut ialah bola sepak, sepak takraw, badminton, tennis, ping pong, golf, squash, bola keranjang dan bola jaring.





PADA bulan Ogos yang lalu, Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Kejohanan Bola Sepak Antarabangsa Sekolah-sekolah Asia kali ke-15 yang berlangsung dari 24 Ogos hingga 3 September yang lalu. Sebanyak tiga buah gelanggang telah digunakan untuk kejohanan tersebut iaitu Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Padang Kelab Ria Seria dan Stadium Hassanal Bolkiah di Gadong.

Kemuncak perlawanan akhir tercatat telah dilangsungkan pada 3 September lalu di antara Republik Korea dan Indonesia. Keputusan seperti yang telah kita ketahui Republik Korea telah muncul sebagai juara menewaskan Indonesia 1-0.

Thailand telah dipilih untuk menjadi tuan rumah kejohanan tersebut pada tahun 1987.

Kedua-dua gambar atas merakamkan kemuncak perlawanan akhir pada 3 September lalu. Gambar atas kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan menyampaikan piala kepada ketua pasukan Indonesia yang muncul sebagai naib juara. Sementara gambar atas kiri ialah imbasan kembali perlawanan di antara Republik Korea dan Indonesia yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. — Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# PERSATUAN BELIA SUMBILING ANJUR PERLUMBAAN MARATON

PERSATUAN Belia Sumbiling Brunei akan mengan-jurkan Perlumbaan Maraton bagi tahun ini yang akan diadakan pada 21 Disember depan.

Perlumbaan tersebut dibahagikan kepada lima bahagian iaitu lelaki terbuka yang berumur 15 tahun ke atas; wanita terbuka yang berumur 14 tahun ke atas, lelaki veteran berumur 35 tahun ke atas, lelaki berpasukan (5 orang sepasukan) dan wanita berpasukan (5 orang sepasukan).

Pihak peganjur telah menetapkan bahawa perlumbaan akan dimulakan dari Pekan Muara bagi peserta lelaki. Sementara peserta perempuan akan berlepas dari simpang Jalan Mentiri/Pengkalan Sibabau. Perlumbaan bagi kedua-duanya akan berakhir di Pusat Belia di ibu negara.

Dalam hubungan itu pihak penganjur mengingatkan kepada peserta-peserta yang menyertai perlumbaan tersebut supaya berkumpul di Pusat Belia sebelum jam 6.00 pagi kerana perlumbaan akan dijalankan jam 7.00 pagi.

Mereka yang berminat untuk menyertai perlumbaan tersebut bolehlah mendapatkan borang-borang penyertaan daripada Awang Osman bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Mohd. Tamin dan Awang Mohd. Yusof bin Haji Murni di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Awang Bujang Haji Wahab di Jabatan Kastam Kuala Belait dan Awang Haji Mohd. Rafee Haji Mohd. Yusoff, No: 4, Simpang 214, Kampong Pintu Malim.

Bayaran masuk ialah $1.00 bagi perseorangan dan $3.00 bagi berpasukan. Borang-borang yang telah diisi hendaklah dihantar tidak lewat dari 2 Disember 1986.

Pihak penganjur juga mengingatkan kepada peserta-peserta supaya akan dapat mengambil nombor baju pada 18 Disember di hadapan Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dari jam 9.00 hingga 11.00 pagi dan dari jam 2.00 hingga 4.00 petang. Peserta yang tidak mengambil nombor adalah dianggap menarik diri.

# SEMI MARATON BAGI DAERAH BELAIT

PERLUMBAAN Semi Maraton anjuran Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Belait (BDAFA) akan dilangsungkan pada hari Ahad 2 November depan.

Menurut jurucakap pihak penganjur perlumbaan pada hari itu akan bermula dari Kompleks Sukan Seria bagi peserta-peserta lelaki. Sementara bagi peserta-peserta yang terdiri dari perempuan dan kanak-kanak perlumbaan akan bermula dari bekas Panggong Roxana, Lorong, 7 Seria.

Jurucakap itu menambah, perlumbaan itu dibahagikan kepada enam kategori. Bahagian A ianya terbuka bagi lelaki yang berumur 30 tahun; Bahagian B khas untuk lelaki yang berumur 40 tahun sementara Bahagian C diuntukkan bagi lelaki veteran yang berumur tahun ke atas. Manakala Bahagian E terbuka kepada perempuan yang berumur 25 tahun ke atas dan bahagian F ialah bagi kanak-kanak (lelaki/perempuan) yang berumur 16 tahun ke atas.

Perlumbaan itu adalah semata-mata bertujuan untuk menambahkan tabung kewangan persatuan di samping untuk didermakan kepada Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Orang-orang Cacat di Daerah Belait.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk mengeratkan lagi tali siratulrahim serta perpaduan yang sedia ada di kalangan ahli-ahli gabungan BDAFA khususnya dan peminat-peminat sukan di Daerah Belait amnya.

Pihak penganjur dalam pada itu mengingatkan bahawa mereka tidak akan bertanggungjawab dalam sebarang tuntutan gantirugi, kemalangan atau kecederaan yang berlaku ke atas peserta-peserta.



BELIA & SUKAN

# Pesta Amal Malam Nusantara

BANDAR SERI BEGAWAN. PERKASA akan mengadakan Pesta Malam Amal Nusantara dengan menampilkan artis-artis pujaan dari empat buah negara anggota ASEAN.

Persembahan akan diadakan di Panggung Borneo, Bandar Seri Begawan pada 31 Oktober, 1 dan 2 November.

Tiket-tiket yang berharga $20.00, $15.00, $10.00 dan $5.00 sekarang boleh didapati daripada Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad, Pejabat Besar Pos, Awang Ali Osman Salleh, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Awang Abd. Jalil Haji Bakar, Radio Televisyen Brunei dan juga di Panggung Borneo pada malam-malam persembahan tersebut.

Hasil pendapatan di pesta tersebut akan didermakan kepada Tabung Kebajikan Negara Brunei Darussalam.



BARISAN pemain-pemain Pasukan Sekolah Menengah Serasa 'A' yang telah muncul sebagai juara badminton berpasukan bergambar ramai beserta dengan piala yang mereka menangi. — Gambar ihsan Sekolah Menengah Serasa.

# Sekolah Menengah Serasa 'A' juara badminton berpasukan

PASUKAN Sekolah Menengah Serasa 'A' telah muncul sebagai juara badminton berpasukan lelaki setelah menumpaskan Pasukan Flat Tanjung Pelampong Muara dengan 3-2.

Perlawanan yang dianjurkan oleh guru-guru dan kakitangan Sekolah Menengah Serasa itu telah dilangsungkan pada malam Ahad 31 Ogos yang lalu bertempat di Dewan Sekolah tersebut.

Dengan kemenangan itu Pasukan Sekolah Menengah Serasa menerima piala yang disumbangkan oleh Awang Haji Mustapha bin Shawal, Ketua Pelajaran Menengah. Sementara naib johan menerima piala sumbangan Awang Arsad bin Haji Adis, Pengetua Sekolah Menengah Serasa.

Menurut pihak penganjur, perlawanan tersebut dianjurkan adalah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-40 tahun.

Di samping itu katanya, ianya juga bertujuan untuk meninggikan lagi taraf permainan badminton di negara ini.

Sejumlah tujuh buah pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut yang terbuka kepada pejabat-pejabat Kerajaan, swasta, kampung-kampung dan pertubuhan-pertubuhan di Mukim Serasa, Muara.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Awang Haji Mustapha bin Shawal, Ketua Pelajaran Menengah.

# PERASAAN MUHIBAH DAN BERBAIK-BAIK DAPAT DITINGKATKAN DI KALANGAN PESERTA BELIA

MUARA. — Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain berkata di sini, Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara telah memainkan peranan penting dalam menyatupadukan belia ASEAN dengan Jepun.

"Ia memperkembangkan perasaan berbaik-baik dan muhibah, persefahaman, mempertingkatkan perhubungan yang lebih erat di antara peserta ini dengan keluarga angkat," jelas Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan di majlis perpisahan kapal tersebut pada 16 Oktober lepas.

Kapal belia itu berada di sini selama empat hari, dalam rangka lawatan mereka ke enam buah negara ASEAN dan Jepun. Sewaktu berada di sini, peserta itu telah dijadikan anak angkat.

Yang Dimuliakan Pehin berkata, detik perpisahan ini amat terasa bagi kita semua terutama kepada keluarga angkat kerana berpisah dengan anak-anak angkat mereka.

Sewaktu menjadi anak angkat ini, peserta-peserta telah didedahkan kepada corak sebenar kebudayaan serta cara kehidupan kita.

"Penghayatan suatu kebudayaan boleh didapati dengan melawat negara-negara berkenaan, bercampur gaul serta beramah mesra dengan keluarga angkat," kata Yang Dimuliakan Pehin sejurus sebelum menyampaikan cenderamata kepada 250 peserta kapal belia itu.

Kapal belia yang ditaja oleh Kerajaan Jepun ini meneruskan perjalanan ke Indonesia, setelah negara kita menjadi persinggahan kedua selepas Manila.

Dalam ucpacara mengalu-alukan kedatangan kapal belia ini pada 13 Oktober lepas pula, Yang Dimuliakan Pehin berharap agar semua peserta dapat membuktikan kemampuan, kesungguhan dan keazaman yang kuat serta dengan semangat perpaduan dan persefahaman yang tinggi bagi sama-sama mencapai matlamat rancangan ini.




SEMUA para jemputan dan peserta kapal belia bertafakur bagi menghormati Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.





SEBAGAI tanda-tanda kenangan yang akan menjadi ristaan di kemudian hari peserta-peserta yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Nippon Maru 1986 telah dihadiahkan dengan cenderamata di setiap negara yang mereka kunjungi.

Ketika berada di negara ini, para peserta Rancangan Kapal Belia telah juga diberikan cenderamata. Mereka berada di sini selama empat hari dan sepanjang itu para peserta belia menjadi anak angkat.

Gambar atas kanan memperlihatkan ketua belia Malaysia yang menyertai rancangan tersebut menerima cenderamata yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya. Majlis penyampaian ini berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara.

Sejurus sebelum berlepas meninggalkan negara ini, para peserta telah menerima cenderamata yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan (kanan).

## Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara

# KUKUHKAN HUBUNGAN BELIA ASEAN DENGAN JEPUN

Oleh Haniza Abdullah
Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Bahar PHO
Pg. Hj. Yaakub dan Harun Rashid

MUARA. — Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya berkata, Rancangan Kapal Belia Nippon Maru 1986 merupakan daya usaha mengukuhkan lagi perhubungan yang sedia ada di kalangan belia ASEAN dengan Jepun.

"Semangat setiakawan yang akan sentiasa dipereratkan dari masa ke semasa dengan mengambil kira peranan yang positif yang dimainkan oleh belia-belia yang bakal memimpin di hari muka," tegas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan itu dalam ucapannya mengalu-alukan ketibaan Kapal Belia Asia Tenggara 1986 di sini pada 13 Oktober lepas.

Dato Paduka Awang Sidek berpendapat, belia yang ikut serta dalam rancangan ini mempunyai kecenderungan untuk mempelajari dan memahami kebudayaan dan kehidupan negara masing-masing selain daripada hasrat untuk meningkatkan hubungan erat dan kefahaman yang mendalam di kalangan belia-belia itu sendiri.

"Kefahaman dan perhubungan erat yang terjalin di kalangan belia-belia itu sedikit sebanyak akan membawa kepada suasana yang harmoni dan mantap di kalangan negara-negara yang terlibat," katanya.

Rancangan serupa ini adalah kali ketiga negara kita menyertainya. Tahun ini, negara kita menjadi persinggahan kedua selepas Manila.

Dato Paduka Awang Sidek juga merakamkan penghargaan kepada orang ramai yang telah memberikan perkhidmatan mereka untuk bertindak sebagai keluarga angkat kepada belia-belia dalam Rancangan Kapal Belia tahun ini.

"Sesungguhnya peranan yang dimainkan oleh mereka ini amatlah bererti kerana penglibatan mereka ini sebenarnya merupakan sebagai rangkaian kepada Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara ini," katanya.

Seramai 250 orang belia ASEAN dan Jepun termasuk 36 orang belia dari negara kita menyertai rancangan tersebut.



KELIHATAN rombongan belia dari Republik Indonesia turun dari Kapal Nippon Maru setibanya di Pelabuhan Muara.

# Peserta Kapal Belia kagum corak kebudayaan kita




SAAT-SAAT perpisahan sejurus sebelum Kapal Nippon Maru meninggalkan Pelabuhan Muara bagi menuju destinasi Jakarta, Republik Indonesia.

KAMPONG PERAMU. — Rumah-rumah di Kampong Ayer harus dikekalkan kerana ia begitu unik, kata Dayang Farida binti Mohd. Abdul Kader, peserta dari Singapura yang mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1986.

"Kerajaan cukup memberikan keperluan asas kepada penduduk-penduduk Kampong Ayer terutama bekalan elektrik dan air," kata Dayang Farida, seorang guru lepasan Institut Pendidikan Singapura.

Dalam temubualnya dengan wakil Pelita Brunei, Dayang Farida merasa begitu senang tinggal di negara ini walaupun singkat masanya. Masyarakat Brunei begitu ramah dan mudah mesra. Di samping itu, ia juga tertarik dengan sikap masyarakat kita yang hidup saling bantu-membantu dan gotong-royong.

Tali persahabatan sangat erat jelasnya. Ini terbukti ketika Dayang Farida dijadikan anak angkat kepada keluarga yang tinggal di Kampong Peramu di sini. Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Ludin telah mengambil dua orang peserta Dayang Farida dan Awang Djafar Arief dari Indonesia.

Selama dua hari, peserta Kapal Belia Asia Tenggara, dijadikan anak angkat kepada keluarga-keluarga kita yang pemurah hati. Tujuannya ialah mendedahkan secara lebih dekat belia ASEAN dan Jepun tentang corak kehidupan masyarakat kita.

Sewaktu dijadikan anak angkat ini mereka tentulah mengenali lebih dekat lagi corak kebudayaan kita dan adat resam kita. Di samping sama-sama menghayati keharmonian berkeluarga.

Dayang Farida kali pertama ke Brunei berkata, Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam. Kebudayaannya banyak berunsurkan Islam. Sikap kerjasama, saling hormat-menghormati dan sopan santun begitu ketara.

"Adat yang berunsurkan keislaman ini sukar dilihat di negara-negara lain," kata Dayang Farida. Dia menekankan adat ini perlu disanjung serta dipertahankan.

Dayang Farida pada mulanya merasa begitu kaku apabila bergaul dengan masyarakat Brunei, tetapi lega setelah menerima layanan yang baik dan cukup dari keluarga angkat berkenaan.

Dayang Farida bergiat dalam Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura (4PM) selama 4 tahun selepas sahaja tamat sekolah. Di samping mengerjakan hal-hal kebajikan, dia juga menumpukan masa lapangnya mengajar murid-murid yang memerlukan bantuan.

Belia dari Indonesia, Awang Djafar Arief yang pertama kali datang ke Brunei berkata, Negara Brunei Darussalam adalah negara Islam.

"Unsur-unsur keislaman ini begitu menarik. Di Brunei tidak ada tempat hiburan yang bersifat kebaratan misalnya disko, ini adalah suatu hal yang baik sekali, agar kehidupan masyarakat Brunei tidak dapat dipengaruhi oleh budaya yang negatif," kata Awang Djafar, 30 tahun.



BELIA dari Singapura dan Thailand (lengan baju bertuaha) ketika mengisi masa lapang dengan memerhatikan keluarga angkat mereka' Haji Mohd. menjolok buah di Kampong Kilanas.

Menurut Awang Djafar, Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sedang membangun. Dari hasil pengeluaran minyak dengan penduduk yang sedikit dapat memberikan kesejahteraan kepada penduduknya.

Kehidupan masyarakat Brunei sangat baik di mana sebahagian besar daripadanya bekerja dengan kerajaan dengan memperolehi gaji yang cukup keperluan harian bahkan mampu menyimpan, jelas Awang Djafar.

Bercakap mengenai kebudayaan, Awang Djafar berkata kebudayaan masyarakat Brunei tetap utuh. Tidak dipengaruhi oleh kebudayaan lain dan benar-benar digalakkan.

Semasa menjadi anak angkat, Awang Djafar tidak mengalami kesulitan baik dari segi pertuturan mahupun pergaulan.

Pengiran Haji Muhammad yang jadi keluarga angkat kepada Dayang Farida dan Awang Djafar berkata, sudah

**Oleh Haniza Abdullah**

menjadi kebiasaan orang-orang kita memberi layanan yang secukup-cukupnya dan seberapa boleh yang kita mampu kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, ugama dan keturunan.

"Mereka juga telah kita perkenalkan dengan makanan-makanan orang katani serta dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah," katanya sewaktu ditemubual oleh wakil Pelita Brunei.

Ditanya mengenai keinginan beliau menjadi keluarga angkat Pengiran Haji Muhammad berkata, faktor ini akan menghubungkan silaturahim antara penduduk negara lain dengan masyarakat kita, di samping menjadi pengalaman manis antara kedua belah pihak.

Dayang Rubyatul binti Haji Busmat, peserta dari Malaysia pula berkata, tinggal bersama keluarga angkat di negara ini sungguh mengasyikkan. Tidak ada masalah kerana kita datangnya dari satu rumpun.

"Tapi saya terpesona tinggal di Kampong Ayer. Suatu pengalaman yang tetap dikenang sampai bila-bila," kata Dayang Rubyatul, ahli kepada Pertubuhan Kelab Belia Malaysia. Ia telah melibatkan diri dalam pergerakan belia ini lebih lima tahun.

Dayang Rubyatul berserta dengan tiga orang belia yang lain telah dijadikan anak angkat kepada keluarga Pengiran Haji Jadid bin Pengiran Haji Omar Ali dari Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda B.

Menurut Dayang Rubyatul, selain diperkenalkan dengan keluarga angkatnya, mereka juga menikmati bersama makanan tradisional Brunei seperti ambuyat, dadah tahai dan sebagainya.



BELIA dari Singapura, Indonesia dan Filipina dan Jepun ketika menyediakan hidangan di rumah Pengiran Haji Saifuddin di Kampong Batu Bersurat, Gadong.

Manakala itu peserta Brunei, Dayang Nispah binti Haji Othman memberitahu kepada wakil Pelita Brunei, lawatan-lawatan ke institusi-institusi teknikal di Manila begitu memberi manfaat kepada kami semua. Dapat mendengar tentang perkembangan sosio-politik negara itu di samping sistem pendidikkan yang diberikan serta diamalkan.

Manila adalah persinggahan pertama Kapal Belia Asia Tenggara ini. Kapal Belia Asia Tenggara ini membawa 250 orang belia ASEAN dan Jepun dalam rangka mengeratkan lagi hubungan mesra di kalangan belia ASEAN dengan Jepun. Brunei Darussalam, persinggahan kedua, cukup mempersonakan ramai belia-belia itu.

Sewaktu di Manila, belia-belia ini telah berkesempatan melawat Istana Malacanang dan tempat-tempat menarik di negara tersebut. Kapal Belia Asia Tenggara ini akan mengunjungi semua pelabuhan enam buah negara ASEAN, dan akan berakhir di Jepun. Kapal ini yang berlabuh di Muara pada 13 Oktober lepas, telah berlepas meninggalkan negara kita pada 16 Oktober lalu.





DAYANG Nisfah Hj. Othman peserta Brunei Darussalam (atas kiri).
DAYANG Rubyatul, peserta dari Malaysia (atas kanan).



PENGIRAN Haji Mohammad (bersongkok) sedang membawa bersiar di Kampong Ayer 'anak angkatnya' Awang Djafar Arief dari Republik Indonesia dan Dayang Farida binte Mohd. Abd. Kadir dari Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke majlis bertahlil genapnya 40 hari Kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien di Kubah Makam Diraja di ibu negara pada hari Sabtu 18 Oktober yang lalu.

Di majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menyiram ayeng asah-asahan ke makam Almarhum ayahanda Baginda (gambar atas).

Berita lanjut dan gambar-gambar disiarkan di muka 3.

# Lawatan singkat Naib Presiden Republik Filipina

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel di Istana Nurul Iman pada 16 Oktober lepas.

Di istiadat tersebut Tuan Yang Terutama Tuan Salvador Laurel telah diiringi oleh Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Benjamin Domingo.

Lawatan singkat selama lapan jam Tuan Yang Terutama Tuan Salvador Laurel ke negara kita adalah bertujuan untuk menyembahkan ucapan takziah dari Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Puan Corazon Aquino di atas kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien pada 7 September yang lalu.

Sebelum berlepas pulang, Tuan Yang Terutama Tuan Salvador Laurel yang juga Menteri Luar Republik Filipina telah juga mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam di Hijau Baiduri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Naib Presiden Filipina Tuan Yang Terutama Tuan Salvador Laurel di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima mengadap Naib Presiden Filipina Tuan Yang Terutama Tuan Salvador Laurel di Hijau Baiduri.

# Lantikan Setiausaha Tetap dan pertukaran pegawai kanan

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan beberapa lantikan dan pertukaran seperti berikut :**

* Awang Haji Ahmad bin Dato Matnor, Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan ditukar ke Jabatan Perdana Menteri untuk menyandang jawatan Setiausaha Tetap di jabatan tersebut mulai 21 Oktober, 1986 ;
* Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Timbalan Naib Canselor di Universiti Brunei Darussalam dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri mulai 21 Oktober, 1986 ;
* Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditukar ke Kementerian Pertahanan sebagai Setiausaha Tetap di kementerian tersebut mulai 21 Oktober, 1986 ;
* Awang Haji Omar bin Haji Serudin, Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Perjawatan ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk menjadi Setiausaha Tetap di kementerian tersebut mulai 21 Oktober, 1986 ;
* Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Awang Mohd Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha, Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan ditempatkan buat sementara waktu untuk bertugas di Pejabat Istana selaku Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia ;
* Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan ditukar ke Majlis-Majlis Mesyuarat Negara selaku Setiausaha Majlis-Majlis Mesyuarat mulai 21 Oktober, 1986 ; dan
* Dato Paduka Awang Haji Mohd Alimin bin Haji Abd. Wahab, Setiausaha Awam di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditukar ke Kementerian Pertahanan mulai 21 Oktober, 1986.

# Awasi anasir-anasir jahat

Dari muka 1

penduduk Brunei Darussalam dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan hasil-hasil dari projek kemajuan di dalam suasana sebuah masyarakat yang adil dan saksama semata-mata kerana Allah jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengingatkan demikian ketika bertitah pada malam Isnin lepas melalui Radio dan Televisyen Brunei yang disiarkan secara langsung ke seluruh pelusuk negara.

"Pegawai-pegawai Kerajaan Beta hendaklah sentiasa mempertingkatkan kerjasama dan saling hubung-menghubungi serta mengadakan permuzakarahan di antara satu dengan lain pada melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna," titah Baginda.

Baginda dalam pada itu juga menasihatkan rakyat dan penduduk negara ini agar mereka dengan tidak kendur-kendur mengekalkan azam dan tekad untuk sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Baginda dan terus memikul kewajipan masing-masing sebagai rakyat dan penduduk yang taat setia serta jujur dan bertanggungjawab.

### Kerjasama

Berasaskan jumlah penduduk yang kecil, titah Baginda selanjutnya, kita memerlukan kerjasama di antarasatu dengan lain untuk memajukan dan membangun Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Baginda selanjutnya mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini untuk menjaga keselamatan negara daripada sebarang ancaman musuh dan gejala-gejala diayah anasir jahat yang cuba mencabuli kemerdekaan dan kedaulatan negara dan yang cuba mengucar-kacirkan keamanan dan mengelirukan pemikiran rakyat dengan diayah-diayah palsu yang mempunyai motif kepentingan persendirian," titah Baginda.

Kita, haruslah titah Baginda lagi beringat-ingat dan berwaspada dan menghindarkan sebarang perbalahan dan persengketaan sesama sendiri agar kemajuan yang dicapai akan kita nikmati bersama-sama.

## RAMALAN CUACA
←— minggu ini —→

CUACA pada mulanya cerah tetapi menjelang hujung minggu akan lebih lembab dengan ribut petir berlaku di waktu malam.

## JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

| Tarikh | Air Pasang Penuh (jam) | Paras Air (meter) | Air Surut Penuh (jam) | Paras Air (meter) |
|---|---|---|---|---|
| 22 Okt. | 0059 | 2.2 | 0840 | 0.6 |
| 23 Okt. | 0125 | 2.1 | 0928 | 0.6 |
| 24 Okt. | 0149 | 2.1 | 1021 | 0.6 |
| 25 Okt. | 0209 | 2.0 | 1122 | 0.6 |
| 26 Okt. | 0227 | 1.9 | 1229 | 0.6 |
| 27 Okt. | 0252 | 1.8 | 1331 | 0.6 |
| 28 Okt. | 0553 | 1.7 | 1422 | 0.6 |
| | 2336 | 1.6 | — | — |

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan telah berkenan memberikan jamuan teh kepada peserta-peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tengara minggu lalu yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara pada 7 Oktober lepas. Kapal Belia Nippon Maru telah berada di negara ini selama empat hari. Gambar atas memperlihatkan Duli Yang Teramat Mulia bersalaman dengan sebahagian daripada belia-belia yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara tahun ini.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.